

Volume III
No. 35



Tuesday
23rd January, 1962

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

THE SUPPLY BILL, 1962—

Committee of Supply (Eleventh Allotted Day)

Heads 26—28 [Col. 3501]

Heads 29—38 [Col. 3552]

Heads 39—40 [Col. 3579]

FEDERATION OF MALAYA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the First Dewan Ra'ayat

Tuesday, 23rd January, 1962

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR,
S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.

- „ the Minister of Internal Security and Minister of the Interior,
DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications,
DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' SARDON BIN HAJI JUBIR,
P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE
LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED
KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN
HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID
KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P.
(Batang Padang).
- „ the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI
ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE'
CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKA-
VASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED
ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerei).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungai Patani).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala
Kangsar).

ABSENT:

The Honourable the Prime Minister and Minister of External Affairs.
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).

- .. the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- .. the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- .. DATO' SULEIMAN BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Minister without Portfolio) (Muar Selatan) (*On leave*).
- .. the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- .. the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- .. ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- .. ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- .. ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- .. ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- .. ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1962

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Eleventh allotted day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Heads 26-28—

Resumption of debate on Question:

That the sum of \$13,363,456 for Heads 26 to 28 inclusive stand part of the Schedule.

Question again proposed.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Broadcasting. Di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri telah menyatakan perubahan² akan di-buat dalam Broadcasting pada tahun ini. Maka dalam bahagian Broadcasting ini saya minta perhatian Menteri Yang Berhormat berkenaan dengan shortwave. Dalam negeri Pahang chuma di-Kuantan sahaja ada mediumwave, lain tempat tidak ada, kami mengharap shortwave. Maka pancharan shortwave ini tidak memuaskan hati. Dalam penyiasatan saya, saya di-fahamkan kerana kuasa shortwave ini sangat kurang. Oleh itu, saya berharap dapat perhatian daripada Menteri.

Yang kedua, saya menchadangkan supaya di-adakan relay dari Dewan yang mulia ini guna ra'ayat dapat mendengar perjalanan Dewan ini, sebab ra'ayat pada masa ini telah

sedar segala tengkah lagu dan panchak ragam ahli politik. Jadi mereka merayu dapat kira-nya direlekan (relay) persidangan kita ini supaya mereka dengar dengan jelas apa yang telah berjalan dalam Dewan ini. Sunggoh pun sekarang ini ada commentator daripada Broadcasting, tetapi mereka tidak faham dengan jelas apa yang terjadi dalam Dewan ini.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Film Unit Production Equipment. Sa-tahu saya perkara ini ia-lah membuat gambar untuk penerangan ka-kampong². Jadi pada masa yang lalu saya memerhatikan gambar² ini, mithal-nya, Duli Yang Maha Mulia atau pun Menteri² memberi ucapan di-dalam sa-suatu pesta atau keraian, kita tidak dapat mendengar terus ucapan² itu, chuma yang kita dengar ulasan² daripada wakil Film Unit. Jadi ra'ayat memikirkkan lebeh baik mendengar ucapan pembesar² itu dengan jelas, dan faham apa tujuan-nya.

Sa-perkara lagi berkenaan dengan Outdoor Motors. Saya hendak berchakap hal di-kawasan saya. Motor ini berjalan dalam sungai, yang sangat kechil, dan saya perhatikan sangat sempit, di-isi segala barang², dan pegawai² yang dudok dalam boat itu hendak berlunjur pun tidak dapat. Saya harap di-ambil perhatian supaya boat ini di-besarkan dan di-elokkan dan beri segala kesenangan kepada pegawai ini menjalankan kerja-nya.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penerangan ini saya menhadangkan segala penerangan itu kita tumpukan ka-kampong saperti menayangkan gambar dan lain². Saya harap tayangan gambar dalam bandar hendak-lah di-kurangkan, sebab mereka yang dalam bandar mendapat kesempatan penerangan daripada pegawai kerajaan, kelab² dan sa-bagai-nya, tetapi orang kampong payah mendapat perkara ini. Jadi kalau kita tumpukan Film Unit dan penerangan²-nya ka-kampong² lebeh, maka saya perchaya ini

akan mendatangkan kebaikan pada negeri kita.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam bahagian Siaran Radio. Dalam soal penyiaran radio, Tuan Pengerusi, bahagian warta berita ada-lah satu bahagian yang paling penting sa-lain daripada bahagian hiburan dan lain². Pada masa sekarang ini warta berita yang di-siarkan di-seluruh negeri, baik dalam bahasa apa pun mengikut apa yang saya tahu ada-lah berpandu atau pun menyalin daripada naskhah asal atau copy-nya daripada bahasa Inggeris. Dalam siaran China dan Tamil boleh di-katakan 100 peratus di-terjemah daripada siaran asal yang di-buat dalam bahasa Inggeris, kechuali dalam bahasa Melayu mengikut yang saya tahu ada-lah lebeh luas sadikit kebebasan di-beri, tetapi tidak melupakan naskhah asal-nya dalam bahasa Inggeris. Dari segi chita² untuk mendaulkan bahasa kebangsaan dalam negeri ini, maka saya rasa sudah-lah sampai masa-nya Pengarah Radio Malaya, khas-nya kepada Kementerian yang berkenaan supaya meletakkan asas yang baharu dalam chara menyiarkan atau menghebahkan warta berita, master-copy itu mesti-lah dalam bahasa Melayu, ma'ana-nya semua siaran warta berita, baik dalam bahasa Inggeris, Tamil dan China mesti-lah menyalin daripada naskhah bahasa Melayu, dan ini erti-nya satu daripada langkah yang patut dan mesti di-buat oleh Jabatan Siaran Radio supaya dengan yang demikian kedudukan bahasa Melayu kita ini akan mendapat tempat yang lebeh tinggi dan nilai yang baik daripada Kerajaan.

Dalam bahagian pegawai di-Jabatan Siaran Radio ini, Tuan Pengerusi, kita dapati dalam bahagian Melayu ada terdapat sadikit kekechiwaan dalam chara menaikkan pangkat pegawai². Nampak-nya Pengarah Radio Malaya apa yang saya pandang pada masa sekarang ini terlalu sangat memandang kepada kelulusan (degree) daripada univer-

sity, sa-hingga ada terdapat bukti mereka yang tidak pun lulus daripada universiti di-beri kedudukan yang baik dalam Jabatan Siaran Radio ini dengan membelakangkan sama sa-kali orang yang mempunyai pengalaman yang telah lama bekerja di-situ. Jadi, Tuan Pengerusi, ini tentu boleh menimbulkan rasa tidak puas hati di-kalangan pegawai² yang tersebut. Pada hal pengetahuan di-dalam pekerjaan dengan Radio ini ada-lah lebeh utama daripada kelulusan. Sunggoh pun kelulusan ada-lah satu syarat² yang tidak dapat kita lupakan.

Sa-perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal polisi warta berita. Apa yang saya boleh nampak pada siaran Radio Malaya sekarang ini tidak ada satu polisi yang tertentu. Dalam soal menyiarkan berita² nampak-nya bergantung sahaja kepada record atau pun berita yang sampai yang kadang² berita itu datang dari luar negeri lebeh banyak berita daripada dalam negeri ini. Pada satu hari minggu saya telah mendengar siaran ini dan saya dapat tidak ada berita dalam negeri bahkan semua-nya berita² daripada luar negeri. Apabila di-beritahu kepada Pengarah-nya alasan akan di-berikan bahawa pada hari minggu kita tidak dapat berita² dari Pejabat Penerangan kerana pegawai² di-pejabat itu chuti. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita ada 5 buah negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu ini pada hari minggu tidak chuti dan berita² dalam negeri² itu boleh di-sampaikan pada Jabatan Radio untok di-siarkan apa hal-ehwal yang berlaku dalam negeri ini. Boleh jadi di-jawab oleh pehak Menteri yang berkenaan pegawai² dalam jabatan ini tidak bekerja. Saya rasa ini tentu-lah tidak dapat di-terima oleh akal kita. Kalau pegawai² itu tidak bekerja pada hari minggu mustahil pula Radio Malaya itu menyiarkan siaran-nya. Jadi, ini ada-lah satu perkara yang mustahak di-berikan perhatian oleh Kementerian yang berkenaan dan supaya kerjasama yang lebeh rapat lagi di-adakan dalam Jabatan Radio dengan Jabatan Pe-

nerangan sebab kedua²-nya ini ada-lah di-bawah satu Kementerian. Dengan ada-nya kerjasama yang lebeh rapat maka dapat-lah berita² dalam negeri ini di-siarkan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai satu mithalan-nya ada pernah saya dengar dalam siaran Radio Malaya ini berita dari luar negeri mencheritakan bagaimana sa-buah bas terbalek di-England yang sadikit pun berita itu tidak ada kait mengait-nya dengan negeri ini dan tidak mustahak di-ketahui oleh ra'ayat negeri ini. Kalau siaran itu mengenai berita hal-ehwal perkembangan dunia pada hari itu terpaksa-lah di-siarkan kerana itu mustahak. Jadi, hal ini lebeh baik Kementerian ini mengadakan polisi dengan menetapkan waktu yang tertentu atau had yang tertentu bagi berita untok di-siarkan berita² dalam negeri ini. Dengan yang demikian ra'ayat negeri ini lebeh banyak mengetahui hal-ehwal negeri ini disamping mengetahui hal yang berlaku di-luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di-muka surat 155 saya perhatikan dalam Kepala Kechil 1 Item (2) untok sa-orang Menteri Muda yang gaji-nya ia-lah \$24,000. Memang pada masa perbahathan yang baharu² ini Yang Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa buat masa ini beliau tidak berchadang hendak melantek sa-orang Menteri Muda kerana beliau itu sanggup untok melaksanakan tugas² di-dalam soal Kementerian Penerangan dan Siaran Radio ini. Tetapi melihat chadangan perbelanjaan yang sa-banyak \$24,000 maka saya yakin dan perchaya lambat laun-nya akan berlaku satu² perkara yang tidak di-ingini. Sebab saya perchaya pehak Perdana Menteri walau pun dengan chara yang demikian hati kechil-nya kita mengetahui bahawa walau bagaimana pun sa-bagai Perdana Menteri dan sa-bagai Menteri Luar Negeri kerja²-nya tentu-lah banyak. Jadi, saya rasa, mustahak-lah juga sa-orang Menteri Muda di-lantek. Akan tetapi ketika pehak Kementerian ini hendak melantek

Menteri Muda itu satu perkara yang sangat mustahak di-perhatikan ia-lah kelayakan Menteri itu bagi menjalankan pekerjaan-nya. Saya tidak-lah mengatakan bahawa Menteri Muda yang dahulu itu tidak layak tetapi manakala Perdana Menteri satu masa dahulu mengatakan Yang Berhormat itu tidak dapat memegang jawatan-nya kerana kesihatan-nya tidak mengizinkan. Apakala Yang Berhormat itu sehat maka dia tidak keberatan menyerahkan balek kepada-nya. Tetapi penerangan-nya baharu² ini telah mengatakan dia rasa tidak perlu Menteri Muda itu di-adakan maka ini timbul satu fikiran tentang kelayakan yang ada pada Menteri Muda. Jadi, manakala sa-orang Menteri Muda pada masa yang akan datang hendak-lah di-perhatikan atas perkara ini, sekian.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil peluang sedikit sahaja dalam perkara Broadcasting ini ia-itu tentang lagu Kebangsaan, bacaan Quran dan kata² Hikmat yang di-buat oleh Ketua Bahagian Melayu itu sungguh sangat menarek hati, begitu juga dalam perkara perdagangan, sedap juga telinga kita mendengar-nya dan siuman tidak melampau². Tetapi ada sedikit sahaja saya hendak minta kalau dapat berkenaan dengan lagu² asmara. (*Ketawa*). Lagu² berasmara ini, Tuan Yang di-Pertua, sangat memberi kesan kepada budak² yang mentah sa-olah² mengajar budak² itu macham mana chara berasmara dan sa-belum cherita² atau lagu² itu di-dengar-nya budak² itu tidak mahu tidor. Kalau hendak buat lagu² asmara untuk orang² tua dan orang² muda sa-bagai mengingatkan zaman² dahulu biar-lah jauh² malam ketika budak² semua telah tidor.

Mr. Speaker: Budak² tidak mahu tidor, dia hendak menunggu mendengar lagu² itu. (*Ketawa*).

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman: Lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan lawak jenaka memang

bagus untuk menghiborkan hati. Tetapi kadang² boleh menyakitkan hati pula, memang-lah tidak semua-nya boleh betul, tetapi chuba-lah di-pertinggikan mutu-nya lagi kerana radio kita di-dengar oleh seluruh dunia. Kadang² pula menyampah kita mendengar-nya sebab banyak sangat bergurau senda berkelahi dua laki bini (*Ketawa*), berkahwin, abang itu, abang ini tidak senonoh sahaja bunyi-nya. Jadi, biar-lah kelakar² itu boleh menjadi tauladan yang baik. Lagi satu kelakar² itu suka menghina²kan orang yang sudah tua, mithal-nya: "Nenek sudah tua, gigi tinggal dua". Ini mengajar budak² mengejek nenek²-nya. Kerana membina dan mendidik akhlak dan sopan santun ia-lah satu daripada tugas Radio kita yang merdeka di-dalam negara yang sudah merdeka ini. Saperti jenaka atau pantun "adek hendak kemana? Ada-kah siapa yang punya? boleh-kah jalan bersama?" Semua-nya ia-lah chontoh mengajar pemuda² berperangai liar dan berani mengolok²kan pemudi², demikian juga sebalek-nya. Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang sedikit di-muka 156 Item 13 di-bawah Head Indian Service. Sa-bagaimana yang telah di-beritahu kepada saya bahawa siaran Tamil bagi orang² Islam dalam bahasa Tamil sangat-lah sedikit pada tiap² hari. Chuma mereka itu berkata sa-lama satu jam sahaja di-siarkan siaran² di-dalam bahasa Tamil bagi orang² Islam dalam Tanah Melayu ini. Oleh yang demikian mereka itu meminta supaya siaran² bagi orang² Tamil Islam itu di-panjangkan atau di-tambahkan. Dan mereka itu kata ada-lah siaran² yang di-siarkan oleh Radio Malaya sekarang ini ada-lah siaran² yang mengandongi Kebudayaan Budha, itu-lah sahaja yang di-pentingkan.

Saya berharap kepada Menteri Yang Berkenaan supaya mengambil perhatian supaya di-panjangkan atau di-lebihkan siaran² dalam bahasa Tamil Islam ini.

Enche' Lim Joo Kong: Mr. Speaker, Sir, the Ministry of Information and Broadcasting is no doubt one of the most important Ministries in the running of a Government. It serves the people as their mouthpiece, eyes and ears. It carries out the duties of Government in telling the people what is happening here in our country as well as in other parts of the world. It educates the people in telling them what steps they should take and follow. It also entertains and amuses the people in giving them music, stories and whatnots to their hearts' content—for those who can use their sense of hearing. It will in the near future entertain and amuse us much more when television is introduced into this country. Therefore, I hope that the Ministry will see that television is introduced into our country as soon as possible. In fact, in Communist countries they even spend large sums of money for the installation of intercepting sets just for the sake of intercepting the work and services of the other Governments. The amount spent in our country is only \$13 million which is only one per cent of the total expenditure of the whole country. Therefore, I feel, if we want to have a more satisfactory service, all Honourable Members of this House must advocate a much bigger sum to be spent for this Ministry, and I fully support this.

Enche' Lee Siok Yew (Sepang): Mr. Speaker, Sir, I would like to refer to page 157, Commercial Broadcasting. Sir, the Ministry has a good idea and farsighted by providing this section. As we all know, the big firms in our country spend a huge sum of money to publish advertisement in newspapers, painting advertisement on walls, buses and other motor-vehicles. The purpose of these advertisements is to do more business. Businessmen now can make use of our Commercial Broadcasting to do more and more business, and at the same time the government can collect some revenue through this section. Sir, I congratulate the Minister concerned and welcome this.

Secondly, Sir, I now touch on a private broadcasting services firm in Kuala Lumpur—that is Rediffusion. Sir, this firm was established some time in 1950. The services fee charged to the consumers for each month is \$6.00, but now, Sir, the fee is \$7.00, this is unfair, Sir.

Mr. Speaker: Under what subject is that?

Enche' Lee Siok Yew: I am talking about commercial broadcasting.

Mr. Speaker: Rediffusion is not under any item.

Enche' Lee Siok Yew: Consumers are requested to pay more rental to this firm without giving any reasons. We know Sir, most of these consumers are poor workers, and they are not in a position to buy radios themselves; therefore, these poor workers have to ask this particular firm to instal Rediffusion sets in their houses, by paying \$7.00 rental fee including \$1.00 as license fee to the government. The fee is too high Sir. I hope the Minister concerned will look after this matter and action for controlling rental fees of this firm be taken if necessary. If the Ministry could negotiate with this firm to reduce the monthly rental from \$7.00 to \$6.00, the poor consumers will be very happy indeed.

Lastly, Sir, I would touch on page 164, Sub-head 3, Civics Education. Sir, the Information Dept. in various state is holding Civics Courses to tell and explain to the community leaders as to what are the policies of the government and what is the intention of our government. These civics courses have achieved a great success; now, I urge the department concerned that more and more civics courses be held in Kampongs and remote areas because some of the kampong people are not educated—certainly, they cannot write and read any newspapers and, therefore, the civics course is important to them. Thank you, Sir.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya chuma sadikit sahaja hendak berchakap dalam Kementerian Penerangan dan Radio ini. Pertama sa-kali bagi pehak saya manguchapkan tahniah kepada Kementerian ini yang akan menambahkan lagi ranchangan² perdagangan yang kita harapkan bukan sahaja dapat kita dengar atau pun menghiborkan daripada radio, lebeh² lagi dapat kita dengar dalam masaalah menaikkan ekonomi atau pun taraf hidup ra'ayat seluroh-nya. Berkenaan dengan yang di-ongkitkan tentang Menteri Muda itu sa-patut-nya kita sekarang menguchapkan tahniah kepada Perdana Menteri kerana dengan ini nyata-lah berapa besar, berapa luas-nya tanggung jawab beliau itu yang sanggup membuat tanggung jawab ini dengan tidak payah mengeluarkan wang kita kepada sa-orang Menteri Muda yang di-fikirkan maseh tidak mustahak. Untuk pengetahuan Ahli Pasir Puteh, ia memikirkan sadikit atas kelayakan. Saya rasa kalau sa-kira-nya sa-orang Ahli PAS hendak di-jadikan Menteri Muda itu layak bagi-nya, saya fikir sa-rupa juga dengan keadaan yang ada ini—ta' ada apa beza-nya. Jadi tentang hal itu faham-lah saya dalam perkara ini.

Dalam soal radio ini saya hendak berchakap kalau ta' silap ta' berapa lama lagi ranchangan radio kita akan mengadakan warta berita daerah. Kalau boleh saya harap-lah supaya daripada mula-nya dapat di-timbang-kan sadikit tentang waktu untuk menyiarkan berita daerah itu. Pada masa dahulu kadang² bagi pehak saya susah bila kita hendak memetek warta berita di-antara Singapura dengan Malaya kerana masa-nya sama, dan ta' dapat-lah kita bezakan tetapi sekarang ini waktu menyiarkan warta berita itu sudah terang dan pada masa hendak menyiarkan warta berita daerah itu, saya minta-lah terutama sa-kali bagi pehak ibu pejabat di-Kuala Lumpur ini untuk mengatorkan membuat masa yang elok di-fikirkan untuk siaran² warta berita daerah ini

di-kelolakan. Jangan hendak-nya bertentangan dengan masa² yang penting daripada pusat tentang penyiaran warta berita itu, kerana saya rasa akan merugikan orang² yang membuka atau mendengar radio-nya apabila bertentangan dengan warta berita daerah.

Satu perkara lagi yang saya hendak berchakap berkenaan dengan penerangan. Patut juga saya ucapkan terima kaseh kepada jabatan ini dan saya suka-lah hendak berchakap sadikit lagi dalam Sub-head 3—Civic Education. Nampak-nya kita patut-lah memberi kepujian kepada peruntukan wang ini kerana apa yang telah di-dapati oleh ra'ayat daripada anjoran Jabatan Penerangan ini memberi anjoran civic kepada ra'ayat kampung sangat-lah memberi kesan dan saya memerhatikan di-antara dua chara menemui ra'ayat ia-itu sa-belah malam menunjokkan wayang gambar dengan memberi sadikit ucapan atau pun sadikit keterangan daripada pehak Kerajaan. Saya rasa ini akan lebeh memberi kesan lagi dengan chara memberi kursus atau civic di-kampong² yang di-adakan pada tiap² kampong tentang perkara² yang menasabah atau pun jabatan² yang mustahak memberi pengajaran kepada orang ramai yang maseh lagi berkehendakkan panduan daripada Kerajaan. Jadi itu-lah sahaja yang saya hendak berchakap pada pagi ini, sekian.

Enche' T. Mahima Singh (Port Dickson): Mr. Chairman, Sir, I would like to speak with reference to page 136, Item 13, Indian Service. In this connection, Sir, I would like to speak about Hindustani music. As far as I am aware, Hindustani music is not only enjoyed by the people from North India but is also enjoyed by all Indians and Pakistanis. Further it is clear from the large number of Malays and Chinese who patronise Hindustani pictures that they also enjoy Hindustani music. That means that it is a pleasure for them to see Hindustani pictures and hear Hindustani music. I hope Sir, that it will be possible for the Minister in charge to

be able to increase the service and have more Hindustani music.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya chuma hendak berchakap sedikit sahaja dalam perkara siaran radio ini ia-itu di-muka 156 berkenaan dengan Director. Tuan Pengerusi, bukan saya hendak membahathkan berkenaan dengan Director tetapi saya hendak menarek perhatian yang berkenaan ia-itu sa-bagaimana yang telah kita ketahui bahawa warta berita yang di-siarkan dari jam satu kepada jam satu sa-tengah petang. Yang menyedehkan kemushkilan saya—masaalah ini tidak timbul dari bandar tetapi luar bandar. Di-tempat saya satu kawasan luar bandar yang jauh daripada station yang berdekatan dengan Kota Baharu, maka apabila warta berita hendak di-sampaikan maka jam satu tengah hari itu di-tukarkan gelombang-nya daripada gelombang yang terang—gelombang yang biasa kepada gelombang yang lain untuk di-siarkan bagi siaran Melayu. Maka waktu ini tidaklah kita mendengar dengan jelas warta berita yang di-siarkan melalui gelombang yang sesuai.

Jadi menurut fahaman saya, barangkali penukaran waktu kepada siaran Warta Berita itu supaya Warta Berita itu dapat di-ikuti oleh semua orang, terutama pegawai yang balek ka-rumah dapat mendengar Warta Berita itu. Tetapi malang-nya di-luar bandar, di-tempat lain tidak tahu-lah saya, tetapi di-kawasan saya tidak dapat mendengar dengan terang. Apabila kita tukar gelombang itu ka-siaran lain seperti siaran China atau Inggeris, maka gelombang itu chukup terang. Maka nampak-lah oleh saya siaran Melayu tidak begitu terang, dan saya minta Tuan Pengarah-nya supaya dapat mengatasi masaalah ini, sebab ini hanya di-ketahui oleh orang di-luar bandar, tidak dalam bandar.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada menyebutkan berkenaan dengan perkara ini, maka saya dapat tahu dan kita mendengar pada tiap² pagi,

siaran radio pada tiap² pagi mulai pukul 6 pagi sa-patut-nya apabila kita bangun tidur lagu² itu elok-lah lagu yang bersemangat, mithal-nya lagu² march, kita bangun tidur semangat kita baharu, tenaga kita baharu masok dalam perasaan kita. Tetapi malang-nya, siaran pagi itu lagu Dondang Sayang. Selamat Malam. Jadi bagaimana kita beri Selamat Malam pada hal pagi lagi. Oleh itu, saya minta kepada Tuan Pengarah supaya memasukkan programme pagi itu jangan-lah menghayalkan semangat orang kampung kita atau semangat kita sendiri sa-hingga kita malas, sebab kita seronok mendengar lagu Dondang Sayang itu. Patut-lah di-tukar seperti lagu² march yang membangunkan semangat bekerja bergotong royong dan lagu² pembangunan luar bandar. Maka saya rasa dengan semangat yang seperti ini dapat-lah orang kampung khas-nya menikmati siaran radio pagi itu dengan semangat yang baharu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan bacaan Al-Kuran pada tiap² hari itu, sa-patut-nya perkara ini di-buat oleh bekas Menteri Muda Siaran Radio dahulu, tetapi sa-telah ia berhenti daripada Menteri Muda itu baharu-lah ia terasa kerja-nya tidak betul atau pun kurang chermat, maka saya mendengar tadi ia mengeshorkan supaya siaran pagi itu ada siaran bacaan Kuran, saya menyokong fahaman-nya itu, dan kalau ia balek memegang jawatan-nya yang lama itu, biar-lah di-jalankan kerja yang baik ini. Siaran radio ini penting bagi ra'ayat, bagi ra'ayat di-kampung radio ini lebeh penting daripada rumah-nya, rumah-nya bochor tidak apa asalkan ada radio. Jika siaran itu melemahkan semangat atau pun melelapkan telinga, maka patut-lah di-ubah supaya sa-suai dengan semangat dan jiwa mereka itu bekerja.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya mengalu²kan peruntukan Jabatan Siaran Radio yang hendak di-luluskan ini, dan saya hendak berchakap sedikit sahaja. Waktu Yang Berhormat Pemangku Menteri Penerangan dan

Siaran Radio berchakap di-antara faedah² radio ini ia-lah dapat di-nikmati oleh penduduk di-luar bandar, dan ini saya akui. Sa-bagaimana kenyataan yang kita telah dapat bahawa penduduk luar bandar lebeh ramai jumlah-nya mempunyai radio. Jadi dengan ini saya suka mengemukakan satu shor supaya benar² dapat di-nikmati oleh penduduk di-luar bandar, dan radio akan bertambah lagi di-punyai olhe penduduk luar bandar, lesen radio yang sekarang ini \$12 di-kurangkan \$6 kapada penduduk luar bandar itu. Ini berdasarkan kapada besar-nya jumlah radio yang di-pakai; saya tidak bermaksud radio yang 12 valve yang di-pakai dalam bandar itu di-kurangkan \$6, yang saya maksudkan radio yang di-pakai oleh penduduk di-luar bandar. Saya berpendapat kalau lesen radio di-murahkan, orang kampung akan banyak membeli radio. Untok hendak menutup kekurangan kewangan ini, sekarang saya nampak ada satu ranchangan iklan dan perniagaan melalui radio, dengan ada-nya ranchangan iklan melalui radio ini akan dapat menutup pada bahagian yang kurang wang itu.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu faedah radio ini ia-lah memberi halua telinga sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Menteri Muda malam. Saya nampak dalam siaran radio ini ada satu yang memahitkan telinga. Saya tunjukkan contoh-nya ia-itu Radio Malaya dan Singapura mengadakan ranchangan bersama yang baik tujuan-nya, ia-itu permintaan daripada pendengar dari Singapura dan Tanah Melayu. Saya minta bintang radio yang mengelolakan hal itu jangan-lah dipadankan suara-nya penoh dengan manja² dan lagak yang tidak enak sa-kali di-dengar. Jadi saya memikirkan perkara ini patut di-ambil perhatian.

Tuan Pengerusi, dalam bahagian Penerangan saya dapati bahawa penerangan yang berjalan sekarang ada-lah mendapat sambutan yang

baik dan memberi puas hati. Saya harap chuma, kalau boleh di-tambah lagi Pegawai Penerangan khas-nya di-kampong² yang ada membuka Ranchangan Pembangunan Luar Bandar atau pun Lembaga Kemajuan Tanah di-sakalikan pegawai² dalam hal ugama, sebab saya mengatakan begitu bahawa dalam sharahan ugama boleh membangkitkan semangat penduduk di-situ supaya bertekun meneruskan ranchangan pembangunan luar bandar dan meneruskan lembaga kemajuan tanah itu. Sa-lain daripada itu, saya nampak ada kampong yang telah di-hasut dengan ajaran ugama yang karut², saya minta Jabatan Penerangan mengadakan Pegawai Ugama supaya memberi penerangan ugama di-kampong² itu. Saya tidak-lah melalui di-atas perhatian yang saya buat ini, kalau Kerajaan Persekutuan dapat memasokkan pelajaran ugama ini di-sekolah², maka saya fikir di-jabatan ini juga patut di-timbangkan.

Enche' Hassan Mansor (Melaka Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka berchakap dalam Item 28 berkenaan Administration. Kita tahu bahawa Jabatan Penerangan ini adalah satu jabatan yang mesti mengambil berat dalam soal menggerakkan kemajuan hari ini. Akan tetapi malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penerangan di-negeri Melaka sana telah di-salahgunakan alat² atau perkakas² pembesar suara yang di-beri oleh Jabatan itu untuk menjalankan penerangan kapada ra'ayat di-negeri Melaka itu. Saya ada surat di-tangan saya ini dan saya tidak akan bachakan dan kalau Menteri yang berkenaan hendak maka saya akan serahkan satu persatu.

Pada 30hb December tahun yang lepas pembesar suara telah di-gunakan untok mera'ikan sa-orang orang puteh yang hendak balek ka-England, tetapi di-sa'at itu juga Persatuan Pemuda Pemudi Durian Daun mahu mengadakan Peraduan Quran, merayu supaya pembesar suara itu dapat di-gunakan oleh meraka, maka permintaan itu di-tolak, jadi ini satu

perkara yang ganjil. Saya harap Menteri yang berkenaan akan menyasiat perkara ini dan ada perkara² lain lagi yang tertulis dalam surat itu saya akan serahkan kepada Menteri tersebut. Sa-benar-nya saya suka juga masok dalam Broadcasting ini ia-itu berchakap kepada orang PAS ini sa-umpama juga saya berchakap dengan orang kayangan. Pada suatu masa kita dengar orang² PAS ini merayu supaya menegakkan Kesenian Melayu, menegakkan Kebudayaan Melayu, menghidupkan lagu² Melayu. Tetapi hari ini kita dengar tidak mahu dengar dondang sayang, kalau suka pula dengar lagu March di-kata-nya berbau penjajah. Jadi, chukup susah berchakap dengan orang kayangan ini. (*Ketawa*).

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, orang² PAS nampak-nya bimbang Wakil dari Johor Tenggara ada di-sini. Sudah-lah waktu mereka bimbang waktu menjadi Menteri dahulu, jadi beliau dudok sa-bagai back-bencher pun mereka lagi chuak. (*Ketawa*).

The Assistant Minister of the Interior (Enche' Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan berbanyak² terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah mengeluarkan berbagai² chadangan atau shor² dengan satu tujuan ia-itu hendak memperbaiki lagi Siaran² Radio dan juga Pentadbiran Jabatan Penerangan. Ada juga chadangan² yang membena dan ini ada-lah didalam perhatian kedua² pejabat ini. Langkah² akan di-ambil untuk membaiki keadaan² yang berjalan dalam pejabat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh telah membangkitkan berkenaan dengan tidak puas hati tentang siaran² yang dapat di-dengar-nya di-Temerloh. Tentang soal ini, Pejabat Radio ini akan menyasiat dengan lebeh teliti lagi supaya perkara itu dapat diperbaiki. Berkenaan dengan shor-nya supaya mengadakan "direct relay" Dewan ini melalui Radio, pada masa

ini belum-lah menjadi dasar mengadakan "direct relay" dengan sebab pada hari ini kita mengutamakan perkhidmatan radio dengan mengadakan station² di-Kota Bharu dan Melaka dan mempereloki lagi siaran² kita dalam negeri. Jadi, kalau kita hendak adakan "direct relay" itu akan di-timbangan pada belakang hari kelak.

Berkenaan dengan Film Unit dan motor boat dan sa-bagai-nya itu yang di-uchapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Temerloh, perkara itu akan di-ambil ingatan dan akan di-chuba memperbaiki-nya lagi. Berkenaan dengan motor itu akan di-tukarkan dan tentang shor supaya wayang gambar itu di-masokkan ucapan² Menteri² itu juga akan di-timbangan. Chadangan membanyakkan tayangan wayang gambar di-kampong² itu sa-memang berjalan dan perkara itu akan di-ambil ingatan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah menyatakan ia-itu naskhah asal ia-lah dalam bahasa Inggeris ia-itu naskhah berkenaan dengan warta berita dan sa-bagai-nya. Saya suka-lah menerangkan bahawa warta berita yang datang dari luar negeri boleh di-katakan semua dalam bahasa Inggeris. Jadi, terpaksa-lah di-terjemahkan ka-bahasa Melayu, India dan bahasa China.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Yang saya maksudkan naskhah asal bukan warta berita dari luar negeri yang datang ka-pejabat itu. Apakala berita itu datang pengarang yang menyusun naskhah itu untuk di-siarkan, maka naskhah dan susunan itu-lah yang saya katakan dalam bahasa Inggeris.

Enche' Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof: Oleh sebab naskhah asal yang datang itu ada-lah dalam bahasa Inggeris, terpaksa-lah naskhah itu di-terjemahkan ka-bahasa Melayu. Tetapi warta berita yang datang dari dalam negeri kebanyakan-nya ia-lah dalam bahasa Melayu. Sungguh pun ada juga dalam bahasa Inggeris

langkah² akan di-jalankan supaya bahasa Melayu akan lebih di-gunakan dalam naskhah asal.

Berkenaan dengan pegawai dalam bahagian Melayu beliau menyatakan banyak pegawai² yang tidak naik pangkat kerana tidak ada degree. Saya suka menerangkan ia-itu pada hari ini ada 3 orang pegawai dalam bahagian Melayu yang tidak ada degree, tetapi mereka itu di-naikkan pangkat memegang jawatan yang tinggi, jadi tuduhan itu tidak-lah betul. Berkenaan dengan siaran warta berita Ahli Yang Berhormat itu menuduh tidak ada policy dalam Pejabat Radio dan beliau sa-terus-nya mengatakan banyak berita² dari luar negeri pada hari minggu. Tentang perkara itu saya suka menyatakan tidak-lah tepat tuduhan beliau itu kerana bukan-lah pada tiap² hari minggu berita² yang datang dari luar negeri semua-nya. Atas soal Menteri Muda itu saya tidak menjawab dengan sebab saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menjawab dan menerangkan dalam mana peruntukan yang ada dalam tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pontian Selatan telah menyebutkan ia-itu pagi² hari banyak-lah lagu² yang berupa asmara di-mainkan.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu! salah, sa-belah pagi ibu puji, ini sa-belah malam.

Enche' Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof: Saya menguchapkan terima kaseh, Yang Berhormat itu memuji pada waktu pagi, chuma pada waktu malam beliau mengatakannya banyak memainkan lagu² asmara. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tentang soal ini susah-lah kita hendak memuaskan hati kepada tiap² pendengar itu kerana tiap² pendengar itu bukan-lah semua-nya muda dan bukan-nya pula tua (*Ketawa*). Ada juga di-antara yang mendengar itu orang yang berasmara sendiri (*Ketawa*). Jadi, bertambah²-lah

lagi lagu asmara itu di-mainkan dan kadang² pula dalam cherita asmara maka terpaksa-lah di-mainkan lagu asmara. Tentang lawak jenaka pula, "tua² keladi, makin tua makin jadi", saya rasa kadang² betul tidak menyedapkan telinga kita mendengar-nya, tetapi ada sa-tengah orang tua suka pula mendengar-nya atau menyebutkan "tua keladi makin tua makin jadi" (*Ketawa*). Jadi, susah, Tuan Yang di-Pertua, kerana orang² yang mendengar itu terdiri daripada berbagai² kedudukan pekerjaan dan perasaan masing² itu ada kehendak dan kemahuan-nya yang berlainan. Macham orang hendak buat rumah tidak semua orang manusia membina rumah sa-rupa, kalau ada duit hendak mendirikan rumah yang bagini dan begitu rupa-nya.

Mr. Speaker: Kalau hendak kahwin juga tidak sa-rupa juga (*Ketawa*).

Enche' Mohamed Ismail bin Mohamed Yusof: Itu betul, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*). Jadi, itu-lah saya katakan tiap² sa-orang itu tentu-lah tidak dapat hendak di-beri semua puas hati. Tetapi apa yang di-buat ia-lah supaya dapat Radio Malaya memuaskan kebanyakan pendengar².

Sekarang saya berbalek kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu yang mengeshorkan supaya siaran Indian Service ini di-panjangkan kalau boleh 4 atau 5 jam lama-nya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tentang soal Indian Service ini mustahak-lah di-timbangkan daripada segi bahawa siaran ini tentu-lah juga mengandungi culture atau pun kemahuan orang India. Sungguh pun begitu perkara ini akan di-timbangkan.

The Honourable Member for Alor Star mentioned about the television scheme. When I introduced the budget for this Ministry yesterday I already mentioned that there would be a pilot scheme in regard to television in 1963—towards the end of 1963. So, my advice to the Honourable Member is, be patient and wait until 1963, the end of the year, when we will

get our first television in Kuala Lumpur.

The Honourable Member for Sepang has suggested that Rediffusion charges should be reduced from \$7 to \$6. This matter will be considered and I will see what we can do to reduce the rental to \$6. As regards the point about civic education, it has been the policy of Government to hold civic courses for people from the kampong and rural areas—this has been the policy and will be carried on.

Tuan Pengerusi, wakil dari Melaka Utara meminta supaya waktu berita daerah yang akan di-adakan sedikit hari lagi itu supaya masa yang dibuat tidak bertentangan dengan masa warta berita daerah seperti di-Singapura itu. Perkara ini akan di-timbangkan.

The Honourable Member from Port Dickson has suggested that there should be more Hindustani music. This I can understand, because the Honourable Member speaks Hindustani. I think this has all along been going on and we get more Hindustani music from the Indian Service.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah yang menyatakan manakala tukar-nya gelombang pada masa menyiarkan warta berita kata-nya tidak terang. Tentang soal ini akan di-selideki dan akan di-ambil perhatian supaya siaran ini dapat di-kuatkan sedikit lagi. Beliau juga telah membangkitkan ia itu siaran sa-belah pagi ini banyak mengandongi lagu² dondang sayang. Selanjut-nya ia meniadakan supaya di-adakan lagu march supaya apabila sa-saorang itu bangun pagi badan-nya berasa gerang, chergas dan sa-bagai-nya. Saya setuju dengan chadangan Ahli Yang Berhormat itu, tetapi sa-bagaimana yang saya katakan tadi kadang² sa-orang itu bangun pagi ia suka dengar lagu dondang sayang, ada sa-tengah-nya pula orang² kita suka mendengar bacaan Koran. Jadi tentang soal hendak memuasskan hati sa-saorang itu tidak-lah dapat kita

memuasskan, dan kebanyakan siaran² ini di-jalankan mengikut perasaan pendengar² yang selalu menulis surat kepada Radio Malaya dan sa-bagai-nya, sunggoh pun begitu tentang chadangan beliau itu saya akan ambil perhatian di-belakang hari.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara meniadakan supaya licence radio itu di-kurangkan daripada 12 ringgit kepada 6 ringgit untuk orang² kita di-kampong². Saya suka menyatakan bahawa licence yang dikenakan sa-banyak 12 ringgit itu sa-benar-nya chukop rendah di-bandingkan daripada mana² negeri sa-kali pun. Jadi kalau kita hendak kurangkan lagi pada 6 ringgit maka akan menjadi terlampau rendah. Saya rasa tidak-lah patut perkara ini di-kurangkan daripada 12 ringgit kepada 6 ringgit. Beliau juga telah menyentoh siaran radio dan suara bintang² radio manja. Saya ta' tahu-lah suara yang manja itu memutuskan perasaan hati daripada Ahli Muar Utara atau pun menyusahkan chara menggelikan hati. Saya pun ta' faham. Rasa saya orang² kita suka mendengar suara² yang seperti itu.

Tentang chadangan beliau supaya pegawai² penerangan yang menjalankan penerangan berkenaan dengan kemajuan luar bandar dan sa-bagai-nya supaya di-samping itu di-jalankan sharahan tentang ugama. Tentang chadangan ini ada-lah mendapat perhatian dari pejabat penerangan. Dan penghabisan sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan berkenaan dengan pembesar suara yang ta' dapat digunakan itu, kalau perkara itu di-panjangkan kepada Kementerian ini, saya akan selideki.

Question put, and agreed to.

The sum of \$13,363,456 for Heads S. 26 to 28 ordered to stand part of the Schedule.

Heads 29 to 28—

The Minister of the Interior (Dato' Dr. Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman): Mr. Chairman, Sir, with your permission I beg to move that Heads 29 to 38 inclusive, under the

Ministry of the Interior, totalling \$16,811,607, stand part of the Schedule.

First, I come to Head 29 which are the Estimates of the Ministry itself; these Estimates show a reduction of the order of 35% as compared with last year's Estimates; this has been effected principally for two reasons—firstly, because the provision for the emoluments of the staff of the Board of Film Censors is designed to cover a period of 3 months only since it is the intention of Government to set up the Federation's independent Board of Film Censors when the new studios of Malayan Film Unit have been completed which is expected to be in September 1962, and secondly because the 1961 Estimates included provision for reimbursement to States for Expenditure of Aboriginal Affairs which have now been transferred to Federal responsibility in accordance with the terms of the Constitution.

On "Personal Emoluments" there is no change in the establishment. Although the Estimates show an increase of one post of Reader the actual position is that there are already 13 Readers on the establishment as an additional post was created by Establishment Warrant in late 1960 when the 1961 Estimates were already printed. There is therefore no increase in the number of posts in this grade of appointment for 1962.

In regard to the items under O.C.A.R. and O.C.S.E. there are only minor variations in the provision sought for 1962 which do not call for special comment.

Mr. Chairman, Sir, I now come to Head 30, Aboriginal Affairs. Honourable Members will recall that at the last Budget Session of this House I mentioned that Government was considering the formulation of a long-term policy with regard to Aboriginal Administration. I am glad to say that this task has been completed, and as Honourable Members

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya menarek perhatian berkenaan dengan Penjara (Prisons). Biasa-nya, dalam negeri kita pada hari ini apabila sa-saorang membuat salah, mereka di-masokkan dalam penjara, sa-tengah-nya mendapat hukuman yang panjang dan sa-tengah-nya mendapat hukuman tidak lama. Tuan Pengerusi, sa-masa saya dan rombongan melawat Phillip-pines dahulu, kami telah berpeluang melawat Pulau Midanau dalam bandar Davao, kami telah di-bawa melawat satu tempat yang di-namakan "Penal Colony" yang besar-nya lebeh kurang 40 hector. Sa-lama 6 jam saya memerhatikan kehidupan orang salah yang di-masokkan dalam tempat itu. Saya sangat tertarek chara yang di-buat oleh Kerajaan Philippines itu. Chara yang demikian patut di-jalankan dalam negeri ini supaya tidak-lah orang yang salah itu chuma makan tidor dan mendapat layanan yang lebeh baik lagi daripada orang² yang tidak membuat salah (*Ketawa*). Jadi, Tuan Pengerusi, saya suka menegaskan kepada Menteri yang berkenaan sama ada patut atau tidak chara yang demikian di-jalankan dalam negeri ini. Sa-kira-nya kita dapat jalankan tentu-lah banyak faedah-nya, antara lain, dapat mengurangkan perbelanjaan Kerajaan berkenaan dengan Penjara.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Town and Country Planning. Saya suka menarek perhatian Kementerian yang berkenaan dengan bandar dalam negeri Perlis. Pada hari ini boleh di-katakan bandar di-sana macham "chendawan", rumah di-bangunkan dengan tidak tentu arah. Yang menjadi masalaah yang besar di-Kangar pada hari ini ia-lah soal tanah, di-mana² sahaja pada hari ini menghadapi masalaah ini. Kalau, Tuan Pengerusi, pergi ka-Kangar dapat-lah memerhatikan kedudukan bandar dalam negeri Perlis

pada hari ini sa-makin sa-hari sa-makin merusut.

Baharu² ini saya telah bertengkar dengan enjiner, sebab ada satu jalan Federal Highway (wang-nya ia-lah pinjaman dari Amerika) jalan ini besar dan tumpuan-nya masok ka-dalam pekan. Saya memberitahu kepada enjiner itu ia-itu biasa-nya Federal Highway pada masa ini tidak di-galakkan masok dalam bandar. Sa-kira-nya jalan besar ini di-galakkan masok dalam bandar, apa hal pula kereta² yang sudah banyak dalam bandar, saperti di-Kuala Lumpur ini Federal Highway tidak masok dalam bandar. Saya mengatakan tidak-lah patut jalan yang besar itu di-masokkan ka-dalam satu pekan yang kecil, tetapi dukachita kerana saya kalah, sebab banyak yang tidak menyokong saya. Ada alasan² yang saya tidak mahu sebutkan di-sini. Oleh itu, saya merayu kepada pehak Town and Country Planning supaya menegaskan pekan² dalam Persekutuan Tanah Melayu ini di-ator dan di-susun. Di-Kuala Perlis sa-hingga hari ini belum ada lagi planning. Pada tafsiran saya Kuala Perlis pada masa yang akan datang akan menjadi bandar yang kedua dalam negeri Perlis, dan manakala ASA di-tubuhkan kelak, negeri Perlis akan menjadi pusat perniagaan perikanan (fishing business).

Oleh kerana itu saya merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya memandang kepada Kuala Perlis ini, dan tanah² yang patut di-jadikan pekan supaya tidak lagi timbul masalah kerumitan dan kesusahan pada masa yang akan datang.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasis Puteh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit berkenaan dengan Penjara. Yang Berhormat dari Perlis Selatan telah mengeshorkan tadi kepada pehak Kerajaan supaya mengurangkan perbelanjaan sedikit dalam chara layanan kepada orang salah itu. Yang sa-benarnya, saya tidak bersetuju dengan chara yang saperti itu. Kita menangkap dan menahan orang yang salah itu bukan kerana sa-mata² hendak mendera

orang itu, tetapi kita mempunyai suatu dasar supaya mereka itu dapat di-baiki akhlak-nya dan dapat kembali kepada tengah² masharakat sa-bagai manusia yang sudah berbudi pekerti. Oleh sebab itu layanan² yang di-beri kepada orang salah dalam penjara patut-lah di-adakan satu chara dan kaedah yang membolehkan mereka itu kembali ka-dalam masharakat sa-bagai manusia yang baik, bukan sahaja dalam soal makanan bahkan dalam soal pendidikan akhlak dan dalam soal melateh mereka itu dengan bekerja. Apa yang telah di-lakukan oleh chara penjara di-negeri Kelantan saperti di-Pengkalan Chempa, pada tahun yang lalu pernah saya berchakap kemah²-nya patut-lah di-lancharkan dan di-luaskan kepada tempat yang lain.

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit berkenaan dengan pendaftaran bagi kera'ayatan Persekutuan Tanah Melayu yang telah di-bangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kemaman baharu sa-bentar tadi. Saya suka mengeshorkan kepada Menteri Yang Berhormat supaya sa-barang pendaftaran kera'ayatan kepada mereka yang asal dan datang-nya daripada luar atau pun yang duduk di-luar negeri yang meminta pendaftaran-nya melalui Duta² atau Consul di-perhatikan dengan baik², bahkan pendaftaran² yang telah di-lakukan pada masa yang lalu pun patut di-semak kembali.

Saya mendapat satu keterangan yang boleh di-perchayai sa-bagaimana satu kejadian yang berlaku dalam satu kawasan di-Indonesia—tidak payah sebut nama-nya—sa-orang bangsa Tionghua telah di-tangkap oleh pemerintah Indonesia kerana berthabit dengan soal perniagaan (smuggling). Apakala ia di-bawa ka-muka Mahkamah tiga bulan kemudian, ia telah menyatakan dan mengaku ia bukan warga-negara Indonesia, ia ada-lah warga-negara Persekutuan Tanah Melayu, dan apabila di-minta ia menunjokkan sijil kera'ayatan-nya, ia telah mengeluarkan dan menunjokkan sijil kera'ayatan itu kepada

Mahkamah, dan nyata-lah bahawa sijil kera'ayatan yang di-dapati-nya atas nama kera'ayatan Persekutuan Tanah Melayu itu sa-sudah sa-minggu daripada tarikh ia di-tangkap sa-bagai smuggler. Ini ada-lah sa-bagai satu contoh sahaja, dan mungkin ada beberapa contoh lagi seperti keadaan yang hampir² demikian. Dan hal ini patut menjadi ingatan dan perhatian kepada Menteri Yang Berhormat supaya di-adakan satu penyiasatan sa-mula terhadap sa-barang orang yang baharu mendapat warga-negara, terutama-nya orang yang mendaftar melalui Pejabat² Kedutaan dan Consul di-luar negeri.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan kad pengenalan. Kesulitan yang di-bayangkan oleh Yang Berhormat dari Kemaman tentang bagaimana sulit dan payah-nya anak orang Melayu hendak mendapatkan kad pengenalan apakala mereka itu chukupj umor 12 tahun. Biasa-nya, orang kampung seperti yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat tadi, jarang yang dapat selamat menyimpan Surat Beranak. Tetapi ada pula satu hal yang patut di-perhatikan ia-itu orang kampung jarang pula yang tahu tentang peratoran mendaftar anak-nya yang lahir itu, ada sa-tengah-nya tidak di-daftar langsung, ada sa-tengah-nya chukup dengan memberitahu kepada Ketua Kampung mengatakan: saya sudah dapat anak—lelaki. Apa nama-nya? Taroh-lah apa nama dahulu, kata-nya (di-Sampok). Betul-lah² Tuan Pengerusi, orang kampung chuma dengan memberitahu kepada Ketua Kampung sahaja, dan kadang² Ketua Kampung lupa mendaftarkan kepada Pejabat Penggawa—Penghulu kata orang di-sabelah sini—tentang soal bagaimana hendak mendaftar anak itu kepada Pejabat Pendaftaran. Jadi dengan hal yang demikian menyebabkan tidak ada Surat Beranak. Apabila sampai umor 12 tahun pergi-lah dia minta kad pengenalan. Maka Pejabat Pendaftaran Kad Pengenalan minta Surat Beranak. Apakala tidak ada Surat Beranak, nyata-lah dia tidak di-daftarkan sa-masa di-lahirkan. Di-buat-lah

peratoran ia-itu mendaftar sa-mula (re-registration) tetapi chara yang seperti ini kadang² memakan masa sampai 5-6 bulan, itu pun belum selesai, sa-hingga sa-orang bapa menghabiskan wang berpuluh ringgit. Pada masa dahulu sa-belum di-adakan peratoran baharu tentang pengeluaran kad pengenalan ini, pehak Kerajaan telah memudahkan kaedah mendapatkan kad pengenalan ini ya'ani chukup dengan mengadakan Surat Sumpah tentang hari-bulan di-lahirkan dan sa-bagai-nya.

Jadi, saya rasa dapat-lah pehak Kementerian ini menimbang sa-mula supaya kemudahan² dapat di-beri kepada orang² kampung bukan dengan chara Sekolah Dewasa sahaja. Tuan Yang di-Pertua, dengan kemudahan peratoran orang² kampung itu mendapat kad pengenalan dapat-lah menyenangkan orang² kampung itu ada sa-tengah-nya ta' pandai menulis payah juga. Jadi, dengan ada-nya satu peratoran yang mudah kembali peratoran yang lama chukup satu surat sumpah di-hadapan Magistrate atau Commissioner of Police sa-bagai satu keterangan yang membolehkan kanak² itu tadi boleh mendapat kad pengenalan. Boleh jadi pehak Menteri akan menyatakan bahawa ada sedikit kesulitan seperti itu tentang benar-kah sa-orang kanak² itu beranak dalam Persekutuan Tanah Melayu. Sebab pernah juga kejadian ada anak² yang beranak di-luar kata-lah di-Siam atau Thailand datang sahaja membuat surat sumpah mengatakan kanak² itu beranak di-negeri Kelantan. Oleh yang demikian menjadi satu perkara yang tidak baik di-kemudian hari kelak. Dalam perkara ini saya juga menyadari, akan tetapi kalau-lah di-buat satu kaedah yang tertentu kalau anak² Melayu sahaja tidak mempunyai kesulitan sebab anak² Melayu ia-lah ra'ayat negeri ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, besar-lah harapan saya kalau Kementerian Yang Berhormat ini supaya dapat menjawab tengah hari ini sanggup bagi memudahkan kanak² yang chukup umor itu bagi mendapatkan kad pengenalan. Saya tidak

berhajat jawapan menyatakan nanti buka Sekolah Dewasa dahulu senang.....

Mr. Speaker: Jangan panjang².

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Saya hendak supaya chara yang tidak berpatutan itu tidak-lah di-gunakan bagi menjalankan sesuatu chara bagi memudahkan ra'ayat negeri ini mendapat kad pengenalan.

Enche' Lim Joo Kong (Alor Star): In giving my approval to the estimates submitted by the Honourable Minister of the Interior, Sir, I have something to say under Head 37, Sub-head 1, Items 50, 66 and 70. In doing so, I have two small requests to make. My first request is for the creation of a post for an officer, who knows the Chinese language, and the engagement of a few more clerks, who should also know the Chinese language, to deal with the registration of Federal Citizenship, identity cards and births and deaths in Kedah. Sir, although there is a Chinese clerk in each of these three offices, they have no knowledge of the Chinese language at all. Therefore, extreme difficulties are being experienced by the people when they turn up for their new identity cards, certificates of citizenship and birth certificates. It takes six months for a person to have an error in his birth certificate rectified. Sir, I had informed this House before that there are a lot of complications in Kedah, due to the fact that birth certificates were originally written in Jawi and when finally translated into Rumi, it ran into a mess. In fact, Sir, this has caused a great deal of inconvenience to a number of people who, through no fault of their own, have failed to obtain their certificates of citizenship; and also the renewal of their identity cards. Therefore, Sir, my second request is that such failures, through no fault of the applicant, should be recorded to show how many of our loyal citizens had indeed made an endeavour to get their certificates of citizenship although they had failed.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1962

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

Heads 29-38—

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sedikit sahaja dalam Kementerian ini ia-itu saya suka menarek perhatian dalam head 30 muka 69 dalam hal-ahwal Orang Asli. Saya gemar menarek perhatian Yang Berhormat Kementerian ini supaya menjadikan satu peratoran dalam pakaian supaya menasihatkan orang² wanita daripada Orang Asli itu menutup dada-nya. (*Ketawa*). Perkara itu ada-lah bagi mensesuaikan sa-bagai salah satu daripada suku ra'ayat dalam negeri ini yang kita patut memperbaiki moral-nya. Kalau Kerajaan di-Indonesia sana dapat menasihatkan orang² pendudok Bali supaya menutup buah dada-nya saya fikir tentu-lah Kementerian ini dapat membuat apa yang telah dapat di-buat oleh Kerajaan Indonesia itu. Tuan Yang di-Pertua, saya harap kita kalau hendak mengambil gambar orang² Asli itu jangan-lah mengambil gambar mereka yang tidak menutup buah dada-nya. Saya menarek perhatian bukan sahaja hendak mengambil gambar itu daripada pelanchong² luar negeri termasuk juga daripada Film Unit. Hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyaksikan baharu² ini salah satu gambar yang di-tayangkan oleh Film Unit yang mana dalam gambar itu saya nampak telah di-tayangkan Orang² Asli dari pehak kaum wanita-nya yang mereka itu dada-nya terdedah. Hal ini, saya nampak kurang molek dan kurang sa-suai kita sa-bagai ra'ayat sudah merdeka ini. Saya tidak ingin-lah bahawa wanita² Orang Asli itu di-jadikan alat bagi penyuchi mata mereka bagi orang² yang suka melihat gambar² itu.

Sa-lain daripada itu saya suka menarek perhatian kepada Kementerian ini berhubung dengan kad pengenalan baharu. Hal ini telah pun di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat yang terdahulu daripada saya dan saya chuma hendak menambah lagi. Satu perkara terjadi di-daerah Muar hendak mendapat pendaftar beranak di-Johor Baharu sampai lima atau enam bulan lama-nya. Tetapi bagi pehak keluarga-nya terpaksa-nya mengeluarkan hingga 40 ringgit. Saya harap supaya Jabatan Pendaftar Beranak ini dapat di-adakan di-daerah Muar untuk menjaga kebaikan dan kesenangan penduduk² Muar yang hampir suku juta orang itu. Ini-lah sahaja yang dapat saya berikan.

Enche' Harun bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap di-atas kepala 40 berkenaan dengan polis. Walau pun perkara itu.....(*Ketawa*).

Mr. Chairman: Itu belum lagi, tarek balek. (*Ketawa*).

Enche' Md. Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap di-atas Item 1 muka 169 Adviser on Aborigines Superscale. Tuan Yang di-Pertua, semenjak Kerajaan Perikatan memerintah usaha² yang baik telah banyak di-jalankan. Tetapi sungguh bagitu tentu-lah tidak mendapat puas hati pada kita kalau kita memandangkan Jabatan ini maseh lagi di-perintah oleh sa-orang pegawai Expatriat.

Tuan Yang di-Pertua, pada Meshuarat Belanjawan tahun yang sudah Ahli dari Lipis dan saya juga telah menyuarakan supaya memelayankan Jabatan ini dan betapa mustahak-nya Jabatan itu patut dimelayankan. Saya terutama sa-kali memandangkan perjalanan Jabatan ini, sa-telah bermeshuarat dahulu ia-itu kerajaan berikrar mengambil tindakan untuk memelayankan Jabatan ini. Sa-telah sa-orang Expatriat sa-bagai Adviser yang bernama Tuan Noone itu berhenti saya fikir Jabatan ini haruslah di-pegang oleh sa-orang Malayan,

tetapi saya terperanjat melihat pula sa-orang Expatriat di-gantikan di-tempat itu yang chuma ada pengalamanan Anthropologist. Saya berasa ini tidak-lah lagi di-kehendakki chara pentadbiran satu² Jabatan. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Orang Asli ini pada masa dahulu pada masa itu berkehendakkan satu orang specialist khas untuk mentadbirkan orang² ini untuk penggunaan menjaga keselamatan negara. Tetapi sa-telah negara ini tamat dharurat maka sa-orang specialist untuk menyiasat di-Jabatan ini tidak mustahak lagi. Chuma kita sekarang menumpukan untuk kebajikan, menjaga mereka itu jangan di-tindas oleh kaum bijak pandai, dan kita berkehendakkan satu pegawai yang mahir dalam chara mentadbir-nya. Saya perchaya ada pegawai² kita yang boleh mentadbir di-pejabat itu. Saya tahu juga ada sa-orang orang kita yang berada pengalaman Anthropologist yang pada masa ini bekerja dalam Jabatan Kerajaan Kementerian Pelajaran. Jadi, di-sini-lah saya berharap dapat perhatian atas perkara berkenaan dengan memelayankan jabatan ini terutama sa-kali Jabatan Orang Asli yang sangat rapat perhubungan dengan kita orang Melayu dan negeri ini. Dan lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap dalam muka 176 Item 1 Official Assignee and Registrar of Companies, Societies and Trade Unions. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap supaya kerajaan mengambil perhatian yang irat bagi menerima pendaftaran Persatuan² yang berunsor dari pechahan Agama Islam supaya hendak-lah mendapat nasihat daripada Majlis Ugama. Sebab telah terjadi dalam negeri ini satu Persatuan Tarikat Saufiah menyebabkan porak-peranda di-antara orang² Islam dalam Tanah Melayu ini. Orang yang menubuhkan shariat Tarikat itu telah pun keluar daripada negeri ini sa-telah mendapat wang yang banyak. Ini juga akan mengelakkan orang² Tanah Melayu ini jangan terpedaya atau di-salah gunakan oleh orang² dari luar negeri.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman (Kota Bharu Hulu): Tuan

Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan muka 1.....

Mr. Chairman: Kuat sadikit.

Tun Haji Hussain Rahimi: Saya hendak mengeshorkan kepada Menteri Yang Berhormat untuk memudahkan mengambil kad pengenalan atau pun surat beranak, kerana banyak daripada Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah juga mengaku sa-kira-nya Menteri yang berkenaan itu mengambil perhatian yang berat tetap-lah kemudahan² itu akan di-terima oleh ra'ayat chuma saya hendak mencheritakan pada Menteri Yang Berhormat berkenaan dengan kepayahan dan kesusahan ra'ayat hendak mendapatkan surat beranak atau pun kad pengenalan itu.

Tuan Pengerusi, di-suatu masa saya sendiri pergi ka-pejabat yang berkenaan dan saya dapati sa-kali lintas sahaja beberapa banyak ra'ayat dalam kesusahan sa-hingga sa-tengah²-nya habis berpuluh² ringgit untuk hendak mendapatkan kad pengenalan itu. Memang betul, Tuan Pengerusi, saya perchaya dan yakin-lah perkara ini telah di-sebutkan oleh kebanyakan daripada ra'ayat² yang saya rasa mustahak betul di-atas kepayahan itu, sebab saya sendiri berkali² untuk hendak mendapatkan kad pengenalan anak saya sendiri yang sudah hampir satu tahun sa-hingga sampai hari ini belum lagi dapat. Daripada umor-nya 12 tahun sudah meningkat 13 dan daripada 13 sudah meningkat 14 tahun. Jadi oleh sebab kali yang pertama itu sudah hilang surat beranak maka di-lakukan-lah chara² bagaimana hendak mendapatkan surat beranak sa-bagaimana yang telah di-tetapkan itu telah memakan masa yang banyak mengikut chara² itu. Kalau-lah boleh perkara ini patut-lah di-rombak, kerana apabila sahaja di-dapati surat beranak itu sadikit salah atau tidak betul, umpama-nya tulisan, maka kena-lah di-buat surat sumpah dan melakukan chara² itu mesti-lah bermacam² chara-nya, tidak berapa lama dapat-lah ia, dan sa-lain daripada itu ada di-beri borang serta di-isikan di-dalam-nya

dan di-serahkan balek ka-pejabat itu dan pejabat itu sudah pun terima 3 bulan tetapi tidak di-balekan pada saya sampai sekarang ini. Maka manakala saya sudah beritahu pada Menteri Yang Berhormat di-atas kepayahan ini tidak-lah lagi mustahak saya menuntut kemudahan, chara kemudahan itu saya rasa pehak Menteri yang berkenaan itu boleh-lah memikirkan sendiri di-atas kepayahan itu, sekian.

Enche' K. Karam Singh: Mr. Chairman, Sir, I rise this time to speak under the Head of Aborigine Affairs. The Honourable Member for Muar Utara has mentioned that he does not take very kindly to aborigines, especially aborigine women, being exhibited to people. Sir, I will quote from the *Straits Times* of Wednesday, December 21, 1960, where Enche' Hamzah bin Alang, that is, the Honourable Member for Kapar, has been reported as follows:

"Enche' Hamzah Alang made a strong attack on the Malayanisation policy in the Aborigines Department. He said that all the top posts were now held by foreigners and that since 1957 no meetings had been held to decide which posts would be taken over by Malayan officers in the Department."

And this is the most important part, Sir:

"Enche' Hamzah deplored exhibiting aborigines to foreigners."

Mr. Chairman, Sir, I understand that there has been a directive from the Ministry to all the officers of this Department that there should be no exhibition of aborigines in public. However, Sir, in the *Sunday Mail* of 6th December last year, there is an advertisement and in the advertisement is the semi-naked picture of an aborigine girl. The advertisement reads as follows:

"Never Before Seen by the Civilised World!

See the wonders of the Malayan Jungle at the Happy World Stadium on 9th December, 1961!

Nightly two shows—7.30 p.m. &
9.30 p.m.

From the heart of Malaya's
unexplored forests!

Presenting you with their cultural
native dances and musical ways of
life and blow-pipes and shooting
exhibition, etc. (in English
and Malay).

Tickets—\$3 & \$2—are on sale
at

Robinson & Co., Ltd., Singapore.
Cold Storage, Orchard Road.

Popular Book Store.

World Book Store.

Tickets available—\$3, \$2, \$1.50
at Happy World."

Mr. Chairman, Sir, I can lay this on your table if you like to see it (*Laughter*), and I understand there were about a score of semi-naked aborigine women who took part in this show. Some of my Honourable friends from the Ministerial Bench may jump up and say that this is a cultural show. But, Sir, it is not mentioned as a cultural show.

The Minister of Commerce and Industry (Enche' Mohamed Khir Johari): Sir, it is not a cultural show. The Happy World is in Singapore. (*Laughter*).

Enche' K. Karam Singh: They may say it is a cultural show. We find that it does not say in any way that it is a show for any educational purpose or anything of that sort and neither is it for charity. It is pure commercialism and although the advertiser says, "Presenting the aborigines and their cultural native dances and their own musical ways of life", you need not, to present the native cultural shows and the musical ways of life, show them in the semi-nude. So what has happened at this show is that it is not a cultural or a musical show, or anything else, but just coming down to mere display of the human body of these aborigines. Sir, a very interesting question comes up: how were these people called from the heart of

Malaya's unexplored forest and how were they taken to the Happy World? As I understand it, it is very difficult or it is almost impossible, to get in touch with these people unless through official channels, unless the protectors and others are contacted. Now, the interesting thing is this: since this has happened, how were these people obtained from Malaya's unexplored jungle, who were the contacts through whom these people were taken? I understand that those aborigines who took part in this show are from Johore, and, Mr. Chairman, Sir, I would further want to know whether the Minister is aware that such a thing has happened. Of course, they may say that it has taken place in Singapore and that it is none of their business. But it is almost impossible for it to take place in Singapore unless there is official connivance somewhere and it is the Minister's duty to find out which person or persons have been instrumental in obtaining the Malayan aborigines to go over there.

Mr. Chairman, Sir, since this is pure commercialism, I think it would be worthwhile for the Minister to enquire how deep has the exploitation of these people and their bodies, etc., etc., gone by finding out how much money was made at those shows and what were the wages given to these people for exhibiting themselves, so that it will be a lesson to this Ministry and the Government that such things do not happen again.

Mr. Chairman, Sir, on page 170 I refer to Item (29) Assistant Protector of Aborigines, Johore, \$10,464, present holder on contract and the salary scale is given. Lower down, Protector of Aborigines, \$9,496. It would be interesting to find out who this Assistant Protector of Aborigines, Johore, is and why his salary is more than that of the Protector of Aborigines, further down the page.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman (Krian Laut): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Commissioner of National Registration. Sungguh pun

telah banyak sahabat² saya berchakap berkenaan dengan perkara mengambil kad pengenalan ini, tetapi saya suka juga hendak menyambong dan menerangkan sedikit dalam Majlis ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, ia-itu sa-tahu saya sa-belum tahun 1961 tiap² kanak² yang berumur lebih daripada 12 tahun apakala mengambil kad pengenalan hendak-lah di-sertai dengan Surat Beranak, dan jika sa-kira-nya Surat Beranak tidak ada, di-benarkan pula bapa atau penjaga kanak² ini membuat Surat Sumpah di-Mahkamah, memberitahu yang anak-nya di-lahirkan pada tahun ini dan bulan ini. Bagini-lah sa-terus-nya berjalan sa-hingga-lah Kerajaan mengadakan dan menukar kad pengenalan lama kepada kad pengenalan baharu. Tiba² datang pula satu hukuman mengatakan tiap² kanak² yang hendak mengambil kad pengenalan, jika tidak ada Surat Beranak, tidak di-benarkan bapa atau penjaga kanak² itu membuat Surat Sumpah menerangkan haribulan anak mereka di-lahirkan, dan di-minta bapa atau penjaga kanak² ini menulis kepada Pejabat Pendaftaran meminta Surat Beranak yang hilang itu dengan memberitahu berapa haribulan di-lahirkan.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan perkara ini saya suka hendak menyatakan dengan keadaan yang bagini nampak-nya kesusahan² timbul kepada ra'ayat, terutama kepada orang Melayu, kerana kebanyakan orang Melayu sunggoh pun mendaftarkan haribulan di-lahirkan kepada Balai Pulis, tetapi Surat Beranak ini selalu di-simpan dengan tidak tentu arah, kadang² hilang, basah dan begitu-lah sa-terus-nya, tidak saperti orang China atau India, Surat Beranak ini di-jaga oleh mereka itu dengan sa-chukup²-nya. Jadi atas perkara ini yang mendapat kesusahan selalu-nya ia-lah orang Melayu, dan mereka ini terpaksa pula menghantar \$2 kepada Pejabat Pendaftaran untuk mendapat Sijil Beranak. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kadang² tidak cukup sa-kali bahkan sampai tiga kali sa-saorang itu menghantar surat kepada

Pejabat Pendaftaran meminta Sijil Beranak anak-nya. Hantaran yang pertama mengatakan nama kanak² itu, tidak ada dalam haribulan yang di-sebutkan oleh bapa atau penjaga kanak² itu, kemudian di-ubah pada bulan satu, kemudian bulan sa-puluh pun tidak juga dapat; dengan ini \$6 sa-saorang bapa berbelanja untuk mendapatkan Surat Beranak. Bukan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tetapi mengambil masa yang amat panjang. Kita semua tahu ada-lah sa-saorang kanak² apakala umur-nya lebih daripada 13 tahun jika ada Surat Beranak sa-kali pun, dia kena denda, hukuman-nya sekarang tidak banyak ia-itu \$1 tetapi bagi orang kampung \$1 ini pun banyak, sebab-nya masa mereka menghantar surat kepada Pejabat Pendaftaran anak-nya sudah berumur 12 tahun 6 bulan, Surat Beranak dapat daripada Pejabat Pendaftaran, kanak² itu sudah berumur 13 tahun 2 bulan; pada masa itu bapa atau penjaga kanak² ini terpaksa membayar denda sa-banyak \$1.

Oleh itu, saya harap kepada Kementerian yang berkenaan supaya menimbangkan sa-mula atas perkara ini ia-itu memudahkan bapa atau penjaga mengambil kad pengenalan bagi anak mereka dengan membenarkan bapa atau penjaga membuat Surat Sumpah dalam Mahkamah untuk menerangkan haribulan anak-nya di-lahirkan, jangan-lah di-kehendaki juga mesti mengadakan Surat Beranak, dan di-tetapkan pula sa-orang atau dua orang yang lain daripada bapa atau penjaga menjadi saksi mengatakan anak ini di-lahirkan sa-kian² haribulan dengan sa-benar-nya.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil bahagian di-dalam soal pengambilan kad pengenalan baharu bagi anak² yang berumur 12 tahun.

Mr. Chairman: Jangan di-ulang²-kan.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Ini lain daripada yang sudah di-chakapkan, Tuan Yang di-Pertua. Di-dalam soal pengambilan kad

pengenalan baharu bagi anak² ia-itu yang berkehendakkan surat beranak anak² itu sendiri dan juga di-kehendaki ibu bapa dari budak² itu ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu. Sa-bagai kejadian pada saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjadi ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu dan bapa daripada anak saya juga ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu sendiri ia-itu orang Muar. Tetapi masa saya mengambil kad pengenalan baharu bagi anak saya berkebetulan anak saya di-peranakan di-Hospital Singapura. Maka saya memberitahu bahawa bapa daripada anak saya ia-lah orang Persekutuan Tanah Melayu dan dengan sendiri-nya dia ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu tetapi di-kehendaki surat beranak dari si-bapa pula. Saya tidak dapat mengadakan surat beranak arwah suami saya yang sudah meninggal itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, menurut keterangan daripada pegawai itu, sayang kata-nya, kalau sa-kira-nya tidak dapat mengadakan surat beranak si-bapa maka anak saya ini tidak di-anggap anak ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu dan saya terpaksa kena bayar \$5 untuk mengambil kad pengenalan baharu. Jadi, untuk menyenangkan supaya lekas dapat kad pengenalan itu maka ta' apa-lah saya bayar \$5. Tetapi kalau sa-kira-nya hal ini terjadi kapada orang² kita di-kampung—orang² miskin, Tuan Yang di-Pertua, ini saya rasa sangat sulit dan juga sangat meragukan orang² kita ia-itu orang² kampung. Tuan Yang di-Pertua, jangankan orang tua² tidak ada surat beranak budak² di-bangku sekolah yang berumur 12 tahun banyak tidak ada surat beranak, apa-tah lagi orang tua² yang sudah berumur 50 atau 57 tahun di-mana kita akan dapat surat beranak-nya. Jadi, saya minta-lah kapada Kementerian ini supaya hal² ini juga dapat di-berikan kemudahan lebeh² lagi bagi orang² kita di-kampung.

Sadikit lagi saya suka tegaskan sa-bagaimana banyak Ahli² Yang Berhormat telah berchakap tentang kesukaran bagi orang² kampung mendapatkan surat beranak yang hilang,

saya suka menchadangkan kapada pehak Kementerian supaya; biasa-nya di-bandar² bidan² yang mengambil orang² bersalin, biasa-nya melaporkan anak² kechil itu kapada Pejabat Pendaftaran. Saya rasa bidan² hendaklah memberikan laporan kapada Pejabat Pendaftaran bagi si-mak atau si-bapak yang tidak tahu bagaimana chara-nya mendaftarkan nama anak² terutama-nya orang² kampung. Saya minta-lah supaya pehak Kementerian ini dapat bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dapat di-beritahu kapada tiap² bidan di-kampung² itu bila mereka melahirkan sa-orang anak, bidan² itu memberikan laporan kapada pehak Pendaftaran Surat Beranak. Ini saya rasa, ada-lah satu jalan yang mudah bagi orang kampung supaya dapat surat beranak bagi anak² yang di-lahirkan.

Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak berchakap di-atas muka 171 Sub-head 11 berkenaan dengan Kebajikan Orang² Darat, peruntokan-nya pada tahun ini saya nampak telah bertambah daripada \$90,000 kapada \$150,000. Saya suka mengemukakan dalam Dewan ini berkenaan dengan keadaan orang Sakai di-kawasan saya yang dudok-nya dalam sa-buah kampung penempatan orang² Sakai. Perkara ini saya telah kemukakan dalam Dewan ini pada tahun yang lalu. Saya suka mengulang lagi perkara ini dalam Dewan ini ia-itu berkenaan dengan peruntukan untuk keturunan orang² Sakai ini. Bagi pehak Kerajaan Johore telah mengusahakan bagi mendapatkan tanah bagi pelamin orang² Sakai ini lebeh kurang 145 ekar tanah. Tetapi apa yang merumitkan dalam soal ini ia-lah berkenaan dengan bantuan kerana mengusahakan tanah² itu, ia-itu saperti menebang dan menebas. Oleh sebab kita serahkan kapada orang² Sakai itu.....

The Assistant Minister of the Interior (Enche' Mohamed Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun minta kebenaran. Kalau Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini berchakap berkenaan hal jang-an-lah

di-sebutkan orang Sakai tetapi di-sebutkan orang Asli. Kerana orang² itu tidak suka di-sebutkan orang Sakai.

Enche' Aziz bin Ishak: Saya minta ma'af dan saya tarek balek apa yang telah saya chakapkan tadi. Sa-benarnya orang² Asli; saya ulang sakali lagi oleh sebab kita memandangkan bahawa kalau kita serahkan tanah² hutan itu kepada orang² Asli ini dan kita suruh mereka sendiri mengusahakan tanah² ini boleh jadi saya fikir kerja² itu tidak dapat kejayaan kerana kerja² itu menyusahkan kepada mereka itu. Saya dapat tahu juga ia itu bagi pehak Kerajaan Johore telah pun membuat perhubungan kerana bantuan ini kepada pehak yang berkenaan tetapi saya minta-lah perkara ini dapat perhatian daripada Kementerian ini. Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya chadangkan kepada Kementerian ini supaya mengusahakan yang pertama-nya mendapatkan tanah² kebun kepada orang² Asli ini di-mana² juga di-dalam Tanah Melayu ini terhadap memasokkan orang² Asli ini ka-dalam Rancangan Pembangunan Tanah F.L.D.A. yang di-jalankan itu. Dan dengan jalan ini saya perchaya-lah dari sa-hari ka-sahari dapat-lah di-baiki kehidupan orang² Asli dan dapat-lah mereka itu mengikut chara² kita atau pun sama dengan kita mempunyai culture di-dalam kehidupan mereka sa-hari².

Wan Sulaiman bin Wan Tam (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak berchakap sadikit tentang Head 29 Sub-head 12. Development of Local Councils and other Rural Services sa-banyak peruntokan-nya \$350,000. Oleh sebab sekarang ini ada banyak Town Council maka saya minta penjelasan ada-kah wang sa-banyak \$350,000 itu termasuk perbelanjaan² untuk courses kepada Ahli² Majlis Tempatan sebab saya tahu ada banyak Ahli² Majlis itu yang kurang faham di-atas kewajipan² mereka.

Sa-perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, tentang Kepala 33 Sub-head

4. Training Courses. Di-sini juga saya minta penjelasan ada-kah courses itu untuk mereka² yang memegang jawatan dalam Local Council itu atau juga bagi ahli² Majlis mashuarat-nya.

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang): Mr. Chairman, Sir, I want to speak on Items (1), (10) and (36). With regard to the registration of citizens, I do agree with what has been said by a number of Honourable Members regarding birth certificates. The applicants can just produce declarations from the Court. This will save a lot of time in getting Citizenship Certificates as well as the National Registration Cards.

Sir, regarding the requirements of getting Federal Citizenship by registration, so far as I understand there is one certificate which is required by the National Registration Office and which should be signed by a notable person certifying as to the period of residence of the applicant. At the beginning there was no form to be used for certifying this, but during last year the Registration Office started to prescribe a certain form—that so-and-so residing at such-and-such a place is known to reside in the Federation of Malaya for a number of years. Before this type of form came into use, people like us who are Members of Parliament had to resort to our own method, and one of the ways I used to do was to write saying: "I hereby certify that to the best of my knowledge and belief So-and-so has been residing at such-and-such a place for a number of years." But from the end of last year, this type of certificates which were issued by me was given back through the applicants to me saying that these could not be used—and usually there is a red pencil mark under the phrase "to the best of my knowledge and belief" saying that that is not the proper thing to say. I have asked legal advice on the matter, and so far as I understand the form prescribed by the Registration Office is not a form that has been gazetted by legislation through Parliament and that the present form,

even if we do not study the legal validity, does not bind the signatory very much. So, in fact, there is not much difference between one form and another. I may be able to understand that this would be for the convenience of the staff and would help the staff of the Registration Office in that it would be easier for them if a certain form were used so that they do not have to appreciate the implication of legal jargon. However, since all those certificates were submitted so long ago, as early as last year, I would suggest that those certificates since they had been submitted so long ago need not be returned. They are already in the hands of the officials of the Ministry and they should be in a position to understand the legal language. If from now onwards certain new forms are required—we have known it since the end of last year—I think we can co-operate to use the new forms. To get the old forms back to us, to return them to the applicants and so forth, I think this is a waste of time and money.

Another thing I want to touch on is regarding Aborigine Affairs, Head 30, Item (1). Apart from what my colleague, the Honourable Member for Damansara has said, I think I should point out a very obvious thing that has happened. I think that the policy of the Department of Aborigine Affairs so far has not been good enough. They have not tried as much as they can to improve the lot of the aborigines culturally, so much so that I noticed the other day, when I went to the cinema to see a picture, there was a film shown produced by the Information Department where they showed the success of the work done during the rural development programme. In certain parts there is something on as to what is being done for the aborigines; and it seems that the Government has so far taken some notice in seeing that the aborigines have some sort of accommodation. But the Government seems to have ignored that not only should they be housed properly but that they should also be dressed

properly, and not as in the film where we see the aborigines in their original shape. (*Laughter*). I think this is very bad indeed. If the Government wants to do propaganda that is certainly not the best way to do it. Therefore, I hope the Department will take more notice of such matter and to improve the lot of aborigines—and if they are going to be shown to the public in films certain care should be taken as well.

Dato' Dr. Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, sa-bagai menjawab soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Besut, saya suka hendak menyatakan ia-itu Kerajaan memang sadar bahawa bahasa dan kebudayaan Orang² Asli itu harus di-pelihara. Satu penyelidikan tentang bahasa Temia telah pun di-lakukan oleh Dr. Iskandar, Penasihat Orang² Asli ini dan telah pun di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka baharu² ini. Malang-nya hanya Dr. Iskandar sahaja-lah yang ada mempunyai pelajaran Anthropologist sekarang ini.

Kita telah meminta bantuan perkhidmatan bagi orang² yang mempunyai pelajaran Anthropology di-bawah rancangan Colombo Plan. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, ada menhadangkan ia-itu.....

Dr. Burhanuddin bin Md. Nor: Saya maksudkan tadi berkenaan dengan bahasa² dan nyanyian² itu supaya di-rekodkan, jadi saya harap Kementerian ini dapat menyimpan rekod² itu jangan di-hilangkan.

Dato' Dr. Ismail: Terima kaseh. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas ada membayangkan ia-itu sa-orang pegawai MCS sedang saterus-nya bekerja di-Jabatan Orang Asli ini. Bagi pandangan Kerajaan ada-lah semua pegawai² kanan yang bekerja di-pejabat ini harus-lah berkelayakan sa-bagaimana juga di-pejabat² Orang Asli di-tempat² lain seperti di-Australia dan di-India. Pada masa ini ada 4 orang pelajar² Tanah Melayu yang sedang belajar di-England dan di-

Australia. Mereka ini akan menjadi pegawai kanan di-pejabat ini kelak. Sa-lama ini sudah 6 orang pegawai dagang telah di-Malayanisekan di-pejabat ini dan telah pun di-gantikan dengan pegawai² di-Tanah Melayu. Pada masa ini hanya sa-orang sahaja pegawai dagang yang ia ada-lah sa-orang yang beragama Islam bangsa Hanggary yang akan habis perkhidmatan-nya dalam tahun 1965.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga ada menyebutkan tentang perselisihan dalam pejabat orang asli. Menetapkan dasar ada-lah hak Kementerian dan bukan hak pejabat, sebab itu tidak-lah ada perselisihan yang mungkin berlaku di-dalam dasar pejabat orang asli ini. Perselisihan di-pejabat ini pada masa yang lalu adalah di-sebabkan oleh hanya sa-orang pegawai sahaja yang telah tidak hendak tunduk kepada discipline. Jadi ini-lah orang yang mana ta' puas hati pergi-lah kepada Ahli Yang Berhormat itu dan ini merosakkan bersatu padu pejabat orang asli ini. Ahli Yang Berhormat juga ada menyebutkan tentang perubahan orang² asli. Di-sini saya fikir Ahli Yang Berhormat itu boleh di-katakan melampau sedikit mengatakan ia-itu kita ada menggunakan apartheid policy. Apa yang kita gunakan di-sini ia-lah policy mengutamakan perubahan kepada orang² asli, kalau hendak di-gunakan apartheid ini ada-kah Ahli Yang Berhormat itu bersetuju berkata membuat special privilege kepada orang² Melayu, kita membuat apartheid dalam negeri ini ada-kah ia berani berchakap kepada pengundi² di-Trengganu sana mengatakan kita ini membuat hak istimewa orang² Melayu menjalankan policy apartheid.....

Dato' Mohamed Hanifah: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Saya nyatakan tadi berkenaan dengan perubahan, sebab perubahan itu diserahkan kepada pejabat perubahan yang sa-benar-nya memberi ubat kepada orang² asli itu, akan tetapi ada di-khaskan dalam pejabat—itu-lah yang ta' kena.

Dato' Dr. Ismail: Ia-lah kalau chakap begitu saya terima, tetapi menggunakan "apartheid" dalam dasar orang² asli itu ia-lah satu perkataan yang melampau. Apa yang kita buat ini ia-lah utamakan perubahan kepada orang² asli, dan saya ulang lagi di-bawah rancangan Kerajaan pejabat ini yang bertanggung-jawab di-atas perubahan orang² asli yang dudok dalam hutan. Ini ada-lah hal yang tidak dapat di-elakkan sebab badan perubahan yang lain tidak mempunyai kemudahan dan pengalaman dalam pekerjaan ini. Jadi kalau kita ta' ada utamakan perubahan kepada orang asli, siapa yang hendak memberi ubat itu kepada mereka dalam hutan. Jadi terpaksa-lah kita mengadakan khas bagi orang² asli ini kerana mereka itu dudok dalam hutan, mana orang² asli yang dudok dalam bandar mereka boleh gunakan ubat² yang di-sediakan kepada orang ramai. Dan berkenaan dengan rumah sakit sa-orang ahli di-Ulu Gombak ia-lah di-sediakan untuk orang yang sakit yang melarat, dan satu lagi pula atas soal anak² orang asli yang di-katakan tadi di-ambil dari satu tempat di-Ipoh yang saya dengar di-hantar ka-hospital khas orang² asli itu. Ini hendak-lah kita fikirkan kadang² kita orang Melayu sendiri pun bila kita dudok satu bilek dalam rumah sakit dengan orang lain, kita sedaya upaya menchuba kalau boleh hendak dudok dengan orang Melayu juga. Jadi orang² asli ini ada masa-nya barangkali ada orang asli yang suka supaya di-hantar ka-hospital yang ada orang asli dan ini tidak di-paksa hantar ka-sana.

Berkenaan dengan istilah orang asli itu, saya sudah membuat perhubungan dengan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Dia bersetuju dengan perkataan orang asli ini dan kalau saya hendak bachakan di-sini ia kata perkataan orang asli yang di-gunakan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bagi menamakan orang² Sakai, Jakun, Senoi dan lain². Itu ada-lah istilah yang di-maksudkan dengan pengertian dari segi ilmu manusia atau anthropology dan ada-lah yang sesuai sa-kali.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat membangkitkan soal kelayakan pegawai yang berkhidmat dalam pejabat orang asli ini. Ada-lah dasar kita mengikut dasar yang di-perbuat oleh negeri² Commonwealth yang lain seperti India, Canada, Australia ia-itu berkehendakkan orang² yang ber-kelayakkan supaya menjalankan kerja yang tinggi dalam pejabat ini sebagaimana saya katakan tadi empat orang telah di-hantar belajar dalam ilmu anthropology ini.

Yang Berhormat dari Muar Dalam berkehendakkan supaya tanah di-untukkan kepada Orang Asli. Saya suka menyatakan dalam policy Government \$1½ juta telah di-untukkan di-bawah Rancangan Lima Tahun untuk membaiki keadaan Orang Asli, dan dalam Buku Merah pun ada satu muka yang di-khaskan untuk membuat pembangunan tanah bagi Orang Asli.

Before I leave this question of the Aborigines Department, and before I forget, I better reply to the Member for Damansara. The Member for Damansara in his first intervention in this debate said that the Minister's responsibility is to listen. Well, since I am a firm believer in parliamentary democracy, I always listen however bad the record is. (*Laughter*). His second observation was that the Minister must implement the responsible suggestion of the Honourable Member. As regards the definition of "responsible" I am afraid by two-and-a-half years experience in this House we seem to differ. What you call responsible, I regret to say I cannot agree with you. Now, as an example of what you call responsible statement, you asked me to release those.....

Enche' K. Karam Singh: Mr. Chairman, on a point or order, I don't think those remarks can be addressed directly to me.

Mr. Chairman: What order is that?

Enche' K. Karam Singh: On a point of order.

Mr. Chairman: Under what S.O.?

Enche' K. Karam Singh: "All remarks shall be addressed to the Chair," Sir. (*Laughter*).

Dato' Dr. Ismail: Sir, I was looking at him, but I addressed the remarks through you. (*Laughter*).

Now, Sir, as an example of his responsible statement, he asked me to release those people who were put in prison pending banishment. Now, Sir, I can't do it. I am responsible to the country. I am quite sure that those people who are to be banished are a nuisance and a threat to this country and if he wants me to release those people, I am sorry I cannot do it for him. I must repeat my statement: the Member for Damansara can do it if his Party comes into power.

Now, touching on this question of the dress or undress of the aborigines, he quoted an advertisement in the newspapers. Well, Sir, the Department has taken all possible steps to discourage the exploitation of the aborigines as mentioned by the Honourable Member. Our departmental officer in Johore tried to stop the exhibition referred to by the Honourable Member. But we were unable to do so, because by that time the advertisement read by the Honourable Member had appeared in the Press. So a strong protest was made to the persons concerned in this connection. Now these people, it may interest the Honourable Member to know, come from Johore, from a settlement two minutes walk from the main road. This is a fundamental policy: we try to protect the aborigines, but in doing so we do not want to adopt the totalitarian methods used in the Communist countries. We give them freedom. We try to protect them by advising them and by trying to persuade them. We cannot force them, because we do not use totalitarian methods, because they have done nothing subversive to the country. If they are subversives, I can put them, like the Communists, in the detention camps. (*Laughter*).

Now the Honourable Member queried, and I at least noted a smile on his face when he made that observation, thinking perhaps that he had something against the department, as to why a certain officer in Johore was paid a very high salary and another officer a low one. The Assistant Protector of Aborigines, Johore, is Enche' Mohamed Roslan bin Iskandar. So he is not an expatriate, as I think the Honourable Member might have had a strong suspicion; he is a Malayan.

Mr. Chairman: You are not trying to impute improper motive?

Dato' Dr. Ismail: No, no, I am just deducting.

Mr. Chairman: You are guessing!

Dato' Dr. Ismail: Yes, I have got to guess when referring to the Honourable Member.

Enche' K. Karam Singh: On a point of order. Even guessing should not impute improper motive, Sir.

Mr. Chairman: Guessing does not come under the S.O.s. (*Laughter*).

Dato' Dr. Ismail: Sir, this officer's salary is high, because he is one of the oldest officers in the department. So, naturally he gets a lot of increment—that is very elementary, my dear Watson. It is further stated, if he read the Estimates properly, that he is on contract. Now, Sir, I think I have given the Honourable Member for Damansara all the answers that he deserves.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah memberi tegoran atas perjalanan Pejabat Pendaftaran (Registration Office). Saya fikir kebanyakan tegoran² itu kalau di-datangkan dengan chara bersurat dan berjumpa saya dan pegawai saya kita boleh selesaikan dengan senang. Tetapi ada beberapa perkara dasar yang besar yang saya fikir tidak boleh walau pun saya suka hendak menyenangkan atas soal registration in saya tidak dapat buat kerana bertanggung-jawab kepada negeri ini.

Yang pertama ia-lah berkenaan dengan registration kepada kanak² yang berumur 12 tahun. Saya tahu memang menjadi kelaziman dahulu sa-belum di-adakan National Registration Act, 1959 ia-itu boleh dengan membuat Statutory Declaration dan dengan mengambil surat daripada Penghulu atau pun Guru Besar Sekolah (Head Master) supaya boleh menjadi saksi bila hendak merejesterkan kanak² yang berumur 12 tahun ka-bawah. Tetapi telah di-dapati kebanyakan surat declaration daripada Penghulu ada kenyataan yang tidak betul. Jadi bila kita memberi surat registration yang tidak betul, tidak ada berguna kepada orang yang ada surat seperti itu. Telah juga di-dapati banyak kanak² daripada Thailand mithal-nya, telah di-bawa masuk ka-Kelantan telah dapat Identity Card dengan surat declaration ini, yang mengatakan kanak² yang seperti itu telah di-peranakkan dalam negeri Kelantan.

Jadi di-bawah National Registration Act perlu bagi hendak mendapat satu accurate documentation atau pun satu kenyataan yang betul hendak-lah kita adakan Identity Card warna biru atau pun merah, dan butir yang di-masokkan dalam Kad Pengenalan itu hendak-lah di-sokong dengan Surat Beranak atau dengan document atau pun surat yang di-katakan boleh bertanggung-jawab. Jika kita tidak buat sa-macam itu tidak guna kita mengadakan National Registration Act dan Identity Card yang kita beri itu tidak ada faedah dan akan merosakkan keadaan dalam negeri ini. Jadi itu sebab-nya mustahak jika kita hendak Identity Card itu supaya ada di-sokong dengan Birth Certificate atau pun dengan kenyataan² yang bertanggung-jawab.

Berkenaan dengan kanak² yang berumur 12 tahun, ini kita telah longgarkan juga dan di-beri masa boleh meregisterkan sa-hingga umurnya 13 tahun. Jadi, saya suka menasehatkan kepada orang ramai ia-itu mereka² itu supaya memasukkan

list registration atau pun dalam satu atorani memberi peluang kepada orang meregisterkan lewat. Saya fikir tentu-lah satu keuntongan kepada ibu bapa dan juga kepada anak²-nya supaya meregisterkan anak²-nya dengan sa-berapa lekas dan menunjokkan surat beranak apabila dikehendaki Identity Card.

Lagi satu masalaah yang di-bangkitkan ia-itu kelambatan menerbitkan surat beranak. Saya fikir kalau sa-paroh daripada kelambatan itu, itu tidak boleh di-elakkan kerana kita hendak-lah siasat atas butir² yang di-berikan kepada pejabat itu. Dalam pengalaman kita, kita dapati tidak-lah semua orang itu menjawab soal² yang di-datangkan kepada mereka itu dengan sa-berapa lekas. Jadi, dengan sebab ini tentu-lah ada kelambatan atas pengeluaran surat beranak ini. Tetapi oleh sebab kita hendak menolong juga orang ramai, kita telah pun mengadakan Pegawai² Registration di-Kota Bharu. Ini adalah berkenaan dengan negeri Kelantan pada 9 haribulan May tahun 1960 telah di-banyakan lagi clerical staff di-sana. Bagi pehak Kerajaan kita telah menggunakan orang dengan sedikit sa-banyak supaya jangan menyusahkan orang ramai di-atas soal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Keman, saya fikir ia-itu dia membawa soal kebagusan dan keburokan kelas² Birth Control ini. Bagi pengetahuan Kerajaan, kita telah menggunakan kelas yang sa-baik²-nya. Jadi, di-sini beraleh semula saya kepada Ahli Yang Berhormat yang lain.

Berkenaan dengan soal yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ia-itu kata-nya sa-orang China yang telah mendapat Citizenship Certificate, ini kalau dia boleh memberi saya butir²-nya kita akan siasat dan kalau boleh kita akan mengambil tindakan atas perkara ini.

Berkenaan dengan sa-orang Ahli Yang Berhormat tadi sama juga dengan Ahli Yang Berhormat dari

Damansara di-atas sa-orang orang Asli tidak memakai baju. Saya diberitahu oleh Pejabat Orang Asli boleh di-katakan semua orang Asli ini keluar bandar² memakai baju Melayu atau pun chara western atau pun chara barat tetapi dalam hutan boleh jadi mereka itu tidak memakai baju, itu saya ta' tahu-lah Ahli Yang Berhormat itu masok dalam hutan dan mengintip mereka itu. (*Ketawa*).

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir.....

Dato' Dr. Ismail: I am not referring to you, I am referring to the Honourable Member for Muar Utara. (*Laughter*).

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, I thought he was referring to the Honourable Member for Damansara.

Mr. Speaker: He is replying to the Honourable Member for Muar Utara. Please proceed.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi penjelasan sedikit. Yang saya maksudkan tadi bukan-lah di-tujukan kepada orang Darat ini supaya memakai baju. Saya minta kalau dia tidak boleh pakai baju masa pelawat² dari luar negeri datang itu dan mengambil gambar tutup buah dada mereka pun chukup-lah. (*Ketawa*). Walau bagaimana pun saya sudah melawat orang² Asli di-sabwah kampong yang tempat-nya tinggal dalam hutan, betul² dia tidak ada pakai baju—tidak tutup dada.

Dato' Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman: Jadi, saya fikir apa yang orang² Asli buat dalam hutan biar-lah dia buat apa kehendak dia. (*Ketawa*). Kita juga dia keluar dari hutan sahaja chukup-lah.

Sa-orang Ahli Yang Berhormat saya fikir Ahli dari bangku yang di-duduki oleh parti PAS yang mengatakan orang² yang ada kera'ayatan dalam negeri ini yang ada

harta di-India ya'ani orang Islam dan yang ada harta di-sana dan juga yang ada harta di-negeri ini.....

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Untok penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Sa-benar-nya bukan dari PAS, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman berchakap fasal orang India Islam.

Dato' Dr. Ismail: Saya minta ma'af saya sangka orang PAS sahaja kerana perkara ini perkara orang Islam. Jadi, saya fikir tidak ada tegoran oleh Undang² ia-itu tiap² citizen itu berkehendakkan orang Islam itu tidak boleh kahwin dari satu dan tidak di-katakan yang dia itu tidak boleh mempunyai harta di-luar negeri ini. Jadi, chara demokrasi boleh di-benarkan orang² Islam itu berkahwin lebeh daripada satu, itu terpulang-lah kepada dia tetapi saya fikir satu sudah chukup-lah. (*Ketawa*).

I think the Honourable Member for Alor Star brought up several queries. The first matter is in regard to the registration of citizenship. Now, he says that one must have a Chinese speaking personnel or officer in charge of this. Well, Sir, I am surprised in that if a person can be registered as a citizen, surely he must know very simple Malay; and if he does not know Malay, then he should not be where he is asking for a citizenship certificate. He must have some knowledge of Malay before he can be registered as a citizen, even under Article 17 of the Constitution.

As regards the issue of identity cards and the registration of births, we will try our best to get an officer who can speak the Chinese language. But I am sure, since the Honourable Member is speaking for his constituency, it is within the ability and the capacity of the Honourable Member to be a translator for those people, and I hope he will do good service for the sake of the Alliance and for the sake of the country.

Enche' Lim Joo Kong: Mr. Chairman, Sir, on a point of clarification: I wish to clarify that it concerns more

about names in birth certificates which were translated from Jawi into Rumi—and this is what has caused the mess, not Koko's Mess though, and it is because of this mess that people have got to suffer a lot.

Dato' Dr. Ismail: If the Honourable Member would agree, I am willing to take him through the Registration Office in Petaling Jaya, and show him what we have done with regard to the complexities of Chinese names, and for that matter including the other names too. The only solution is to make Chinese names simple. We try to accommodate ourselves as far as we can.

Enche' Lim Joo Kong: Mr. Chairman, Sir, may I give further clarification? What I mean is that with an officer or some clerk who has at least some knowledge of Chinese, it will be helpful when dealing with Chinese surnames like Chan and Tan—Chan could be Tan and vice versa. So you see unless you have an officer who knows Chinese he will not understand; if you have an Indian officer, he might say that these surnames are totally different and you have to make a declaration; he will not know that they refer to the same surname. The same is the case in regard to the surnames of Goh and Ng. If you have an officer to knows Chinese, it will simplify a lot of matters and save the grievances of the people. I have been helping the people and that is why I come to know of all these. Wherever possible, I shall be only too glad to offer my services.

Dato' Dr. Ismail: I am grateful to the Honourable Member. I admit that the subject is very complex and complicated, and I suggest that he and I get together and see what we can do about it, though I am not giving any promise at all.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut dan juga dua tiga orang Ahli lain supaya kita boleh menyenangkan berkenaan dengan pendaftaran kanak² baharu pada orang² Melayu itu, saya fikir ini

ada-lah satu soal yang saya tidak sanggup hendak membuat-nya kerana kita dalam negeri ini soal Registration of Birth hendak-lah kita jangan membahathkan untok orang Melayu, China dan India sahaja. Kalau kita hendak menyenangkan, chuba-lah menyenangkan kapada semua orang sa-kali, tidak kira apa juga bangsa.

Saya menguchapkan berbanyak terima kasih kapada Ahli Yang Berhormat dari Dungun atas chadangan-nya berkenaan dengan bidan dalam soal mendaftarkan anak yang baharu lahir. Saya tidak mahu memberi jawapan di-sini, tetapi saya boleh timbangkan supaya bidan itu bila menyambut anak² yang baharu lahir itu supaya memberitahu ka-Pejabat Pendaftar Beranak supaya di-registerkan nama-nya itu. Saya akan selideki perkara yang mereka terpaksa membelanjakan sa-banyak \$5 bagi mendaftarkan anak mereka itu. Saya fikir soal ini kalau dia membuat perhubungan dengan saya, saya boleh selidek sebab apa susah-nya sama ada betul atau pun tidak. Saya tidak suka mendengar sa-belah pehak sahaja dalam soal ini. Kalau dia berhubung dengan saya, saya akan selideki dengan halus. Pada fikiran saya itu-lah sahaja yang saya fikir tegoran² yang di-datangkan berkenaan dengan soal registration itu atau pun pejabat orang Asli. Dan jika ada soal² yang saya tidak jawab ada bukti² yang boleh di-selesaikan berhubung-lah terus dengan saya. Chuma satu lagi berkenaan dengan Town Planning Department ia-itu Yang Berhormat dari Perlis telah membangkitkan soal Town Planning Department Perlis ia-itu menjadi dasar Kementerian saya kalau boleh-nya mengadakan tiap² negeri satu Planning Officer. Kementerian mampu tetapi pertama tidak ada pegawai-nya. Yang kedua ia-lah kita membelanjakan wang dengan chara menggunakan priority. Walau bagaimana pun kita akan chuba-lah bagaimana kita boleh menyenangkan kehendak² Yang Berhormat itu tadi.

Now, Sir, as regards the Member for Rawang, he has raised what

appears to me a very complicated subject. If he chooses to see me and try to make me understand what he wanted me to do, I will try to accommodate him. I tried my best, and so did you Mr. Chairman, Sir, to see what he was driving at but still I cannot get a clear picture. However, I can assure the Honourable Member that since it affects the administration of the Registration Office, I will be only too glad to see the Honourable Member if he were to come to my office and explain to me what the shortcomings are in respect of this Department.

Berkenaan dengan Training Course Vote itu ia-itu ia-lah vote ini dibawah tangan Commissioner of Local Grant ia-itu kalau ia mengadakan Training Course pada Ahli² Local Council dan pegawai² Local Council bagaimana Yang Berhormat itu ber-setuju ia-itu bagi Ahli² Local Council berkehendakkan panduan dan berkehendakkan didekan atas chara² bagaimana menjadi Councillor. Dengan sebab itu di-adakan Training Vote ini.

Atas soal wang \$300,000 berkenaan dengan Development Rural Council and New Villages, di-tanya ada-kah itu termasuk juga Local Council. Saya katakan tidak-lah di-masokkan kerana wang itu digunakan supaya membena menolong Local Council itu, mithal-nya mengadakan Committee Hall, parit² dan lain². Bagaimana yang berhormat ketahui ia-itu tanggung-jawab saya tidak ada kapada Rural Council dan Local Council ini dan saya tidak berkuasa, chuma kalau ada wang ini saya dapat-lah menolong mereka² itu dalam perkhidmatan-nya dan mungkin nasihat² saya itu tentu-lah mereka akan menerima kalau boleh menjalankan-nya. Itu-lah sebab-nya peruntokkan itu tidak-lah menggunakan wang itu bagaimana yang di-tanya tadi untok Courses Local Council.

Mr. Chairman, Sir, I hope I have replied to all Honourable Members, and if I have overlooked replying to any other Honourable Members,

since they have brought up problems of administration of the Departments under my control, I am ever willing to see them at any time either in this House or in my office, and finally I would like to thank them for their observations.

Question put, and agreed to.

The sum of \$16,811,607 for Heads 29 to 38 inclusive ordered to stand part of the Schedule.

Heads 39-40—

The Minister of Internal Security (Dato' Dr. Ismail): Mr. Chairman, Sir, with your permission, I would like to move that Heads 39 and 40 stand part of the Schedule.

Honourable Members will see that the expenditure under Head 39 on the Ministry is about \$½ million less than last year but that the expenditure under Head 40 shows an increase by about the same amount. The two heads together show an increase of \$17,745 on the provision for 1961. This small increase has been achieved only by the exercise of the most rigorous economies. Much of the attention of the departments under this Ministry was devoted in the past years to tackling the Emergency and as the Emergency was brought under control it was possible to reduce expenditure. In my speech introducing the 1961 Estimates I drew attention to the very considerable reductions in the sums provided over the past years and I indicated that the reason was because of the rapid improvement in the Emergency situation which led to the declaration of the end of the Emergency in July, 1960. The reduction in the Estimates was largely attributable to reduction in the establishment of the forces which had been dealing with the Emergency. The energies of the police force had been devoted largely to the suppression of Communist terrorists and we were unable in those years to devote to ordinary policing duties the attention that we would have liked and which they deserved. In the past year, there has been no recrudescence of Communist terrorism and it has been possible to effect

further economies in establishment because we are satisfied that the situation within the Federation is stable. Though a few Communist terrorists still lurk in the remote jungles of northern Perak and Kelantan, our operations against the Communists are now mostly joint operations in conjunction with our good neighbour, the Thais, on and across the Border where the main forces of the Communist terrorists, who have fled this country, still operate.

To deal with the remaining elements of the Communist terrorists we have a specialist body of police in the Police Field Force and we have the Senoi Pra'ak. Over the rest of the country, the Force since the end of the Emergency has been able to devote all its time to the more proper peace time duties of prevention and detection of crime and the maintenance of law and order generally. During the past years, we have had some time, which we did not have during the Emergency, to assess the policing needs of the country in the light of modern development. It must be obvious to Honourable Members on perusal of the daily press that there is an increase in lawlessness in some areas of the Federation. Gang robberies, kidnapping, gangster fights, assaults, secret society activities have all received publicity in the Press. But, in addition to these, which the Police Force, with its reduced establishment has to deal with, there are problems which receive little publicity, which are serious problems and will soon become grave problems unless they are tackled with energy and skilled direction.

There has been an immense increase in motor traffic in the past few years. Traffic problems have received the special attention they deserve from international organisations but we have not yet been able to devote to them the attention which we would wish. We are fully alive to the needs of these problems as they affect the police but they require the attention of

trained staff and some research before that staff can operate as effectively as the situation demands.

I am happy to say that Malayanisation of the Police Force will be almost completed by the end of 1962. But it will be appreciated that Malayanisation means that special efforts have to be made in training officers to replace the expatriates who will be leaving this country. As Honourable Members know a very full programme of training courses is conducted throughout the year at the Police Depot and the Police College, Kuala Kubu Bharu. Our staff engaged in training is pressed to the limit and if we are to maintain the standards which we have achieved we cannot put more work on them. My Ministry attaches great importance to a high standard of training. The reputation of the Royal Federation of Malaya Police stands very high in South East Asia and we are determined not only to maintain but also—and I know there is good material—to raise it. *(Applause)*.

In the years ahead of us I can foresee that there will be a need to enlarge the establishment now provided for training purposes not only at the training depots but also in Headquarters where plans must be made and where policy is shaped.

The small police staff appointed to deal with corruption cases is unable to meet the demands made on it and I can see that the establishment provided for this branch of the work of the Force, if it is to be effective, will have to be enlarged. There will also be need for officers of the Force to be trained for work on the sort of offences which have received prominence recently, mentioned in the House on Monday, 8th January in connection with what are called mushroom insurance companies. There are always difficult cases to investigate and to prosecute. Commercial crime will, I feel, require special attention from the police and we are already giving consideration to the formation of a

Special Fraud Squad to attend to this sort of case.

I have mentioned for the information of Honourable Members some of the directions in which it is likely that the establishment of the Police Force will have to be expanded if it is to cope with the demands that will be made on it as the population grows and its commerce expands. I would like to be able to contain expenditure on my Ministry as its present low level but I think I should say to this House that, if the high policing standards of this country are to be maintained and if modern techniques are to be adopted and developed, I cannot see how this can be done.

Turning now to the Estimates, Honourable Members will find no very significant changes. I have said that we have, since the end of the Emergency, kept careful watch against the recrudescence of Communist terrorist activity within the Federation and we are satisfied that there has been no deterioration of the situation. The acts of terrorism which disgusted all our people and which they wholeheartedly resisted are no longer the methods employed by the Communists to obtain control of this country. While therefore we are vigilant against a resort to these methods we have felt able to relax measures which were retained after the end of the Emergency in some areas.

In the Personal Emoluments section of Head 39, under Border Security, we have, by dispensing with staff concerned with resettlement and food denial measures, effected a saving of approximately \$173,000. Again under Border Security in the Special Expenditure section of Head 39, and for the same reasons, we have been able to effect economies of approximately \$285,000. An increase in the provision under Sub-head 26 is required mainly because of the expansion of training facilities to members of the Thai Security Forces with which our own Police Field Force co-ordinate operations across the Border. In joint

operations an understanding of each other's method is very valuable, particularly in jungle warfare and we have been glad to extend these facilities based on our long experience of jungle warfare, to our friends, the Thais.

By far the largest part of the expenditure in my Ministry is under Head 40, Royal Federation of Malaya Police. Over \$66 million is alone devoted to the Personal Emoluments section of this Head. The sum provided is less than in 1961 principally because we have been able to effect reductions in the number of rank and file. These were not forces engaged on ordinary police duties but part of the Field Force specifically on guard against a recrudescence of Communist terrorist activity in jungle areas in the Federation. We are able to dispense with these but I would not like to say that any further reduction in the Police Field Force will be possible for though the targets in the Federation have become fewer they have increased in number in the Border area or if they have not increased, we are better informed of them now—and indeed we may need to concentrate larger forces to engage them.

I hope that Honourable Members have been able to follow the rearrangement of Sub-heads and of Items under the Sub-heads in the OCAR section of Head 40. A more logical arrangement, convenient for the officers responsible for supply and the control of expenditure, has been adopted. The increase in the sum provided for the Police is to be found in this section of the Estimates. The principal increases are under Sub-head 15—Major Replacements—and Sub-head 17—Supply and maintenance of Stores and Equipment—and in Item (7)—Motor Vehicles—and Item (1) Clothing and Personal Equipment—respectively under the above Sub-heads. The increase in expenditure on motor vehicles appears to be very large but is in fact less than the sum actually provided in

1961 when you take into account supplements provided. A modern Police Force is highly mobile and its vehicle fleet must be in a condition to carry out the many and urgent tasks imposed on it. The police vehicle replacement programme has been very carefully worked out but, as Honourable Members can see, my colleague the Minister of Finance is still unwilling to accept it unreservedly. Provision for the other item—Clothing and Personal Equipment—is also in fact less than that provided in 1961 with the addition of a supplement of nearly \$800,000 approved in 1961. The position here is that for many years the police have been drawing on the accumulated stocks laid down for the much larger establishment of the force during the Emergency. Now stocks have to be replenished and raised to a safe level.

The Police have an unenviable and exacting task now and it will become no easier. Prevention and suppression of crime, the maintenance of law and order in the face of secret society activity and the violence of gangsters, are routine duties which will continue to be carried out with vigilance and zeal. We are always on guard against subversive elements which are a threat to the security of our land. Changing times will bring new and complex tasks. I am confident that the Force, of which I am proud and of which the country can be proud, will meet the challenge of the future with determination and the ability to improve on its achievements in the past.

Sir, I beg to move.

Enche' Harun bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap dalam bahagian Pulis Di-Raja Persekutuan. Walau-pun perkara ini saya telah berhubung surat dengan Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri, tetapi oleh sebab perkara ini saya berharap benar² mendapat pertimbangan kapada perkara² yang akan saya sebutkan. Sa-bagaimana biasa pada

tiap² tahun ia-itu pada awal bulan January ini semua lesen² senjata api misti-lah di-perbaharui di-Balai² Polis, tetapi dukachita pada tahun ini Kerajaan telah mengambil suatu langkah kasar ia-itu jika di-dapati mana² orang yang tiada pernah membeli peluru² sa-lama sa-tahun, maka lesen itu tidak akan di-perbaharui dan senjata itu di-ambil simpan di-Balai Polis.

Tuan Yang di-Pertua, sebab² yang di-buat bagitu ia-lah pada pandangan Kerajaan menganggap orang² itu tidak lagi menggunakan senjata yang tersebut dengan alasan tidak membeli peluru selama sa-tahun itu. Yang sa-benar-nya orang² kampung tiada-lah terfikir sa-kali² yang Kerajaan akan mengambil langkah mengejut sa-umpama itu orang² kampung mimikirkan perkara membeli peluru atau tiada itu ada-lah terpulang di-atas kesukaan mereka itu sendiri pada bila² masa yang di-sukai-nya. Maka itu-lah yang menyebabkan orang² kampung merasai gelisah dan kechil hati di-atas langkah yang telah di-ambil oleh Kerajaan itu, perkara ini boleh di-katakan chuma di-kawasan saya sahaja (Baling).

Tuan Yang di-Pertua, pada masa negeri ini bergelora dengan dzarurat dahulu, tenaga² orang kampung telah banyak di-gunakan oleh Kerajaan dan mereka telah banyak membantu pehak Polis menangkap dan membunuh pegganas². Dalam Kawasan saya, saya sendiri pernah bersama² dengan orang² kampung dengan menggunakan senapang patah telah berjaya membunuh beberapa orang pegganas kominis. Saya sadar bahawa kuasa yang mu'tamad membenarkan ra'ayat menggunakan senjata api itu ada-lah di-tangan Polis semata² tetapi patut-lah ada suatu pertimbangan yang adil terutama di-atas jasa² mereka itu dan kegunaan kapada mereka itu sa-bagai sa-orang ahli tani tentu-lah sangat² mustahak senjata api itu bagi menjaga musoh² yang merosakkan tanaman dan buah-buahan di-ladang mereka lebeh² lagi mereka akan menimpa kerugian dengan sebab kehilangan senapang² itu kerana senapang² itu mereka telah

beli dengan harga di-antara \$100 hingga \$600 dengan wang titek peloh mereka sendiri.

Ada suatu perkara yang saya rasa pelek, ia-itu dalam beberapa bulan yang lalu, saya dapat ketahu² ada sa-orang wakil dari sa-buah Kompeni ia-itu daripada Bangsa Eropah yang membawa masok peluru² dari Negeri luar ka-Tanah Melayu ini telah melawat ka-kedai² peluru di-utara Malaya ia meminta keterangan dari penjual² peluru² itu sebab²-nya peluru² itu tiada-laris di-jual saperti dahulu. Jadi, selang tiada berapa lamanya Kerajaan telah mengambil langkah ia-itu di-minta tiap² orang yang menggunakan senjata api membeli peluru² sa-kurang²-nya sa-kali sa-tahun, oleh yang demikian dengan sa-chara tiada langsung Kerajaan sendiri telah menggalakan orang² kampung memakai peluru dengan banyak-nya dan Kerajaan telah di-tudoh oleh ra'ayat menjadi alat² Kapitalis.

Maka ini-lah saya berharap Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri mengkaji sa-mula di-atas langkahan ini dan menarek balek keputusan² yang telah di-buat itu dan kembalikan balek segala senjata² yang telah di-ambil oleh Polis itu kapada pemilek²-nya. Yang menjadi hairan kapada orang ramai bahawa mereka tiada pernah di-kenakan peratoran yang sa-umpama itu dari dahulu, bahkan tiada pernah berlaku dalam masa Penjajahan tetapi dalam masa pemerentahan Kerajaan Perikatan sendiri telah mengadakan peratoran yang menyayat hati itu. Jadi manakala saya balek nanti ka-kawasan saya, maka saya akan di-maki dan di-sumpah oleh orang² kampung. (*Ketawa*). Maka saya berharap-lah mendapat suatu kenyataan dari Yang Berhormat Menteri supaya orang² dalam kawasan saya itu faham di-atas kedudukan yang sa-benar.

Tuan Haji Azahari bin Haji Ibrahim (Kubang Pasu Barat): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahathan perbelanjaan bagi Kementerian ini

maka saya suka-lah pula menyentoh sadikit berhubung dengan ucapan yang telah di-keluarkan oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkenaan dengan subversive element atau penyeludupan subversive. Sungoh pun bagitu, saya perchaya pada masa sekarang ini Kerajaan telah memberi pandangan yang berat tentang penyeludupan subversive ini tetapi bagi fahaman saya maseh lagi Kerajaan ragu² dalam melaksanakan tujuan utama yang telah kita buatkan ia-itu Internal Security Act yang mana bersangkutan dengan kuasa² yang di-berikan kapada Kementerian ini untuk menghapuskan gerakan subversive ini dengan sa-berapa chepat yang boleh.

Mr. Chairman: Ini di-bawah Sub-head mana?

Tuan Haji Azahari bin Haji Ibrahim: Saya menyentoh ucapan yang di-keluarkan oleh Menteri.....

Mr. Chairman: Kita sudah membahathkan berkenaan dengan dasar 'am tiga hari dahulu. Ini kita bahathkan hanya berkenaan dengan polisi yang ada di-dalam jadual ini.

Tuan Haji Azahari bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya kena-lah ulang balek apa yang telah saya katakan.....

Mr. Chairman: Yang Berhormat boleh merayu minta ini, itu saya benarkan. Jangan ambil masa yang panjang sangat.

Tuan Haji Azahari bin Haji Ibrahim: Dalam perkara menghapuskan gerakan subversive yang telah di-serahkan kapada Kementerian, pada fahaman saya ia-itu langkah² yang Kerajaan

ambil sekarang ini belum-lah lagi memuaskan hati dalam menangkap gulongan² ra'ayat yang melakukan subversive dengan tangkapan² yang lebeh. (*Ketawa*). Jadi, pehak² yang dudok dalam parti² yang menjalankan mithal-nya saya bagi satu perkara yang berani saya katakan di-sini ia-itu Kerajaan belum lagi chukup meng-ambil langkah yang tegas. Baharu² ini saya dengar yang mana salah sa-orang daripada orang ternama ada berhubung rapat dengan Kominis daripada Singapura, kalau tidak salah saya Mr. Lim Chin Siong tidak di-benarkan masok ka-negeri kita. Jadi, ini-lah satu chontoh bagi pehak Kerajaan telah mengambil langkah yang kuat. Saya harap Kerajaan terutama Kementerian ini jangan-lah melengah²-kan lagi menangkap umpama-nya ahli² parti Front Socialist yang masok subversive dari luar, saya harap perkara ini patut di-perhatikan.

Mr. Chairman: Order! Order! Yang Berhormat tidak boleh berchakap bagitu. Saya boleh benarkan tetapi hendak jaga² sadikit berchakap. Yang Berhormat boleh dapat kehendak² itu kalau pandai berchakap. (*Ketawa*).

The time is up.

House resumes.

Mr. Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee of Supply which has been considering the Supply Bill, 1962, has progressed up to Head 38 of the Schedule to that Bill. The House will now stand adjourned till 10 o'clock tomorrow morning.

Adjourned at 6.30 p.m.